Perkembangan Monetari dan Fiskal

Dasar Monetari pada tahun 2000

Teras utama dasar monetari pada tahun 2000 bertujuan untuk mengukuhkan pemulihan ekonomi dan mengekalkan kestabilan kewangan. Pada tahun 2000, keadaan inflasi yang rendah dan stabil telah membolehkan perlaksanaan dasar monetari supaya kekal akomodatif. Penggunaan kadar pertukaran tetap pula telah menyediakan suasana pasaran kewangan yang stabil. Khususnya, ia telah dapat mengelakkan keperluan dasar monetari negara untuk mengikuti dasar monetari ketat yang diambil oleh Amerika Syarikat (AS) walaupun dolar AS/ringgit telah ditetapkan. Justeru, dasar monetari yang akomodatif telah membolehkan pengukuhan asas ekonomi negara seperti mana yang dicerminkan oleh lebihan akaun semasa yang besar, paras rizab yang tinggi, kadar inflasi yang rendah dan pemulihan dalam keyakinan perniagaan dan pengguna. Perkembangan ini seterusnya telah dapat memastikan kadar pertukaran terus kekal konsisten dengan asas ekonomi negara.

Keadaan inflasi yang rendah dapat dilihat pada kenaikan yang kecil dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) sebanyak 1.6% pada tahun 2000, berbanding 2.8% pada tahun yang lalu, walaupun terdapat kenaikan pada tambang bas dan harga keluaran petroleum pada separuh tahun kedua. Kadar inflasi secara keseluruhannya adalah rendah kerana aktiviti ekonomi berkembang sejajar dengan keluaran potensi. Tambahan lagi, industri yang beroperasi hampir pada kapasiti penuh telah mula melaksanakan program peningkatan kapasiti pengeluaran, dan kenaikan upah pula mencerminkan peningkatan dalam produktiviti.

Dengan inflasi yang rendah dan stabil, dasar monetari pada tahun 2000 kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan mengekalkan kestabilan kewangan. Perkembangan ekonomi yang menggalakkan telah menyokong kemapanan rejim kadar pertukaran asing.

Pada tahun ini, fokus operasi monetari oleh BNM tertumpu terutamanya ke arah mencapai keadaan mudah tunai yang stabil dalam suasana mudah tunai yang lega dalam sistem perbankan. Kadar faedah terus kekal rendah tetapi telah diurus dengan berhemat untuk mengimbangi keperluan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi, mengekalkan kestabilan harga dan mengekalkan paras tabungan negara. Dalam keadaan mudah tunai yang lega dan kematangan deposit berkos tinggi, usaha telah ditujukan bagi memastikan kadar deposit kekal pada paras yang sesuai untuk memberi kadar pulangan benar yang positif kepada para penabung.

Dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi telah dikekalkan berikutan ketiadaan tekanan inflasi. Sementara itu, dalam menghadapi potensi risiko pertumbuhan ekonomi AS yang lebih perlahan terutamanya pada bulan-bulan terakhir tahun

Jadual 2.1
Perubahan Kadar Faedah Campur Tangan dan Nisbah SRR

Tempoh	Mudah Tunai	Tarikh	Kadar Faedah Campur Tangan	Nisbah SRR
1997		Akhir-Dis	8.70	13.50
1998 Jan-Feb	Ketat	9 Jan	9.00	
		20 Jan	10.00	
		6 Feb	11.00	
Pertengahan Feb-Jul	Stabil	16 Feb		10.00
		1 Jul		8.00
Ogos-Dis		3 Ogos	10.50	
		10 Ogos	10.00	
		27 Ogos	9.50	
		1 Sep		6.00
		3 Sep	8.00	
	Lega	16 Sep		4.00
		5 Okt	7.50	
		9 Nov	7.00	
1999 Jan-Dis		5 Apr	6.50	
		3 Mei	6.00	
		9 Ogos	5.50	
2000 Jan-Dis			Tiada perubahan	Tiada perubahan

2000, dan implikasinya terhadap permintaan luar negeri Malaysia, dasar monetari yang akomodatif dikekalkan untuk memastikan bahawa permintaan dalam negeri kekal kukuh untuk mengimbangi sebarang penguncupan dalam permintaan luar negeri.

Untuk menyokong pemulihan ekonomi dan seterusnya mempertingkatkan momentum pertumbuhan ekonomi, Kadar Campurtangan BNM 3 bulan telah diturunkan secara berperingkat-peringkat daripada 11% pada bulan Februari 1998 kepada 5.5% pada bulan Ogos 1999. Semenjak itu, Kadar Campurtangan kekal tidak berubah. Keputusan untuk tidak mengubah Kadar Campurtangan 3 bulan pada tahun 2000 telah dipengaruhi oleh beberapa faktor. Berikutan mudah tunai yang lega serta prospek guna tenaga yang baik, Kadar Campurtangan yang dikekalkan pada paras semasa dapat membendung jangkaan inflasi. Dengan itu, secara relatifnya, harga kekal stabil pada tahun 2000.

Sementara kadar faedah yang rendah telah menyokong rangsangan fiskal yang bertujuan untuk memulihkan kembali penggunaan dan pelaburan, keseimbangan dalam memastikan kadar pulangan benar yang positif ke atas deposit juga telah diambil kira sebagai insentif untuk menabung. Purata kadar berian pinjaman (BLR) bank perdagangan berada pada paras terendah sebanyak 6.75% atau kira-kira 550 mata asas lebih rendah berbanding paras tertinggi pada akhir bulan Jun 1998. Dasar monetari yang akomodatif berserta dengan dasar pengembangan fiskal yang berterusan adalah berkesan dalam merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri dan meningkatkan permintaan swasta dalam negeri. Tambahan lagi, kadar pinjaman yang rendah dan permintaan luar negeri yang kukuh juga menyumbang kepada kenaikan dalam pertumbuhan pinjaman. Mencerminkan perkembangan ini, bekalan wang (M3) meningkat sebanyak 5% pada tahun 2000, disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam pembiayaan bank dan pengembangan operasi fiskal.

Graf 2.1
Operasi Mudah Tunai BNM



Pada tahun 2000, pengurusan dasar monetari telah ditumpukan terutamanya ke arah pengurusan aliran mudah tunai bagi memastikan keadaan mudah tunai sistem perbankan yang stabil. Dengan itu, kadar faedah dikekalkan pada paras yang rendah bagi menyokong aktiviti ekonomi di samping memastikan ianya berada pada paras yang memadai tinggi untuk memberi kadar pulangan benar yang positif kepada para penyimpan. Pada tempoh Januari-April 2000, operasi mudah tunai BNM sebahagian besarnya adalah bersifat menguncup bagi menyerap aliran masuk daripada sektor luar negeri yang berpunca terutamanya daripada lebihan dagangan yang besar serta aliran masuk portfolio. Bagi mengekang tekanan ke bawah terhadap kadar faedah, BNM telah menyerap sebanyak RM14.1 bilion daripada pasaran. Perkembangan ini, berserta dengan kesan penguncupan daripada tuntutan ke atas Kerajaan (RM5.2 bilion) dan simpanan deposit oleh institusi kewangan bukan bank (RM6 bilion), telah berupaya mengekalkan kadar faedah pada paras semasa. Kesannya, kadar antara bank 3-bulan secara relatifnya kekal stabil dan bergerak dalam jurang yang kecil di antara 3.14% kepada 3.18% di antara bulan Januari hingga April.

Semenjak bulan Mei, sektor luar negeri telah mewujudkan kesan penguncupan ke atas mudah tunai dalam negeri. Pada tempoh ini, terdapat aliran keluar bersih yang mencerminkan terutamanya aktiviti ekonomi yang lebih tinggi, pembayaran balik hutang dan pelaburan di luar negara oleh rakyat Malaysia. Tambahan lagi, kadar faedah yang lebih tinggi di luar negara telah menyebabkan peningkatan kredit dagangan yang diberikan kepada pengimport asing. Terdapat aliran keluar dana portfolio sebanyak RM11.8 bilion di antara bulan Mei hingga Disember yang sebahagiannya berpunca daripada ketidaktentuan yang menyeluruh dan kemeruapan dalam pasaran kewangan serantau. Namun begitu, dagangan yang kukuh dan aliran

masuk modal jangka panjang telah mengimbangi aliran keluar tersebut. Aliran keluar ini dan peralihan dana dari sistem perbankan kepada BNM oleh sebuah institusi kewangan bukan bank menyebabkan BNM menambah mudah tunai dalam sistem perbankan sebanyak RM10.3 bilion pada bulan Mei hingga Julai dan sebanyak RM8.2 bilion pada bulan November hingga Disember. Walau bagaimanapun, dari bulan Ogos hingga Oktober, operasi mudah tunai BNM bersifat menguncup berikutan pengembangan operasi Kerajaan berserta dengan pengeluaran deposit bersih oleh sebuah institusi kewangan bukan bank.

Berikutan kenaikan kecil dalam kadar antara bank pada penghujung bulan Julai, kadar antara bank 3 bulan secara umumnya kekal stabil pada 3.25% pada separuh tahun kedua. Bagi keseluruhan tahun 2000, BNM telah menyerap mudah tunai sebanyak RM4.6 bilion dari sistem perbankan. Bagi memudahkan pengurusan mudah tunai dalam sistem, BNM telah menerbitkan semula bil BNM, yang kali terakhirnya diterbitkan pada tahun 1997. Terbitan bil BNM ini secara keseluruhannya telah menyerap sebanyak RM6.7 bilion pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, operasi ini sebahagiannya telah diimbangi oleh kematangan pinjaman langsung yang dipinjam semula berjumlah RM2.1 bilion.

Satu isu penting yang diambil kira dalam pengurusan mudah tunai pada tahun 2000 adalah terdapatnya tekanan ke bawah terhadap kadar deposit. Perkembangan ini berlaku berikutan keadaan mudah tunai yang berterusan lega dalam sistem perbankan dan kematangan deposit berkos tinggi serta pertumbuhan dalam pinjaman yang sederhana.

Pada separuh tahun pertama, tanda-tanda tekanan ke bawah terhadap kadar deposit mulai kelihatan. Kadar purata deposit tetap bank perdagangan menurun daripada 3.24-3.95% pada akhir tahun 1999 kepada 3.20-3.90% pada akhir bulan Julai 2000. Dalam keadaan mudah tunai yang lega dan bertambahnya persaingan dalam aktiviti pemberian pinjaman, terdapat kebimbangan bahawa kadar tersebut akan jatuh lagi. Berikutan perbincangan dengan institusi perbankan, kadar deposit telah dinaikkan pada bulan Ogos. Dari awal bulan Ogos, kadar deposit tetap telah mencatat kenaikan, iaitu di antara 3.44-4.08% bagi bank perdagangan dan 3.46-4.23% bagi syarikat kewangan pada akhir tahun 2000. Pada masa yang sama, persaingan yang berterusan dalam aktiviti pemberian pinjaman telah menurunkan purata kadar pinjaman kepada 7.45% pada akhir bulan Disember daripada 7.66% pada akhir bulan Julai.

Peningkatan dalam kadar deposit pula tidak disusuli oleh kadar pinjaman yang lebih tinggi. Ini adalah kerana institusi perbankan berada pada kedudukan yang baik untuk menyerap kenaikan dalam kos dana berikutan kedudukan kewangan mereka yang kukuh. Tambahan lagi, pertumbuhan dalam pinjaman adalah sederhana, sementara pinjaman yang bermasalah telah menurun. Tidak terdapat sebarang perubahan pada Kadar Campurtangan BNM, yang merupakan kadar utama bagi pengiraan kadar asas pinjaman (BLR). Perkembangan ini telah membolehkan purata BLR kekal tidak berubah, masing-masing pada 6.78% dan 7.95% bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan.

Di sektor luar negeri, perbezaan kadar faedah negatif di antara Malaysia and AS telah melebar berikutan prestasi ekonomi AS yang kukuh pada separuh tahun pertama tahun 2000 serta kadar inflasinya yang melebihi 3% yang menyebabkan Lembaga Rizab Persekutuan *(Federal Reserve Board)* bertindak menaikkan Kadar Dana Persekutuan *(Fed Funds Rate)* sebanyak 100 mata asas daripada 5.5% pada akhir tahun 1999 kepada 6.5% pada bulan Mei 2000. Dengan Kadar Campurtangan yang stabil di Malaysia, perbezaan kadar faedah yang

Peraturan menghalang urus niaga ringgit di luar pesisir memastikan keadaan yang stabil apabila mata wang serantau mengalami pergerakan yang tidak menentu. Kejatuhan nilai mata wang serantau merupakan faktor yang mengurangkan taksiran di bawah nilai sebenar (*undervaluation*) kadar pertukaran ringgit kepada nilai keseimbangan pada penghujung tahun.

Langkah-langkah Monetari pada tahun 2000

Langkah-langkah monetari yang dilaksanakan pada tahun 2000 terus ditumpukan kepada usaha menyokong pertumbuhan ekonomi dan mengekalkan kestabilan monetari dan kewangan. Memandangkan keadaan inflasi yang rendah, dasar monetari yang akomodatif terus dikekalkan pada tahun 2000. Beberapa langkah baru telah diperkenalkan yang bertujuan untuk mengekalkan tabungan dan memberikan kadar pulangan benar positif kepada pendeposit serta memastikan kredit terus disalurkan kepada sektor-sektor utama. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- Untuk mengekalkan tabungan dan memberikan pendeposit kadar pulangan benar positif, institusi perbankan telah bersetuju untuk menaikkan kadar deposit pada awal bulan Ogos. Kedudukan institusi perbankan yang kukuh dari segi permodalan, kualiti portfolio aset dan keuntungan, telah membolehkan institusi perbankan menyerap kenaikan dalam kadar deposit ini tanpa kenaikan yang sejajar pada kadar berian pinjaman.

- BNM telah memperkenalkan Program Keusahawanan pada 9 Jun untuk mempercepatkan penyelesaian masalah pinjaman tidak berbayar (NPL) yang ditanggung oleh perusahaan kecil dan sederhana (SME), terutamanya para usahawan yang terjejas akibat krisis kewangan. Program ini bertujuan untuk membantu para peminjam yang mempunyai kemudahan kredit dengan beberapa institusi perbankan, untuk menyusun semula keseluruhan kemudahan kredit mereka secara teratur dengan menggunakan garis panduan penyusunan semula pinjaman yang mudah dan seragam. Ini dapat mempercepatkan lagi proses penyusunan semula hutang SME.

  Satu ciri utama program ini ialah mekanisme bagi menggalakkan institusi perbankan supaya memberi kemudahan pembiayaan tambahan kepada SME bagi membolehkan mereka meneruskan operasi perniagaan dan mempertingkatkan daya maju perniagaan mereka pada jangka masa panjang. Risiko yang berkaitan dengan pembiayaan tambahan ini akan ditanggung oleh BNM dan institusi perbankan mengikut nisbah 70:30. Bahagian risiko yang ditanggung oleh BNM adalah dalam bentuk jaminan Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC). Kesemua pembiayaan baru adalah dihadkan untuk tidak melebihi 30% daripada jumlah pembiayaan asal. Jumlah perlindungan jaminan yang diberikan oleh CGC adalah dihadkan kepada RM500 juta. Terma bagi pembiayaan baru ini adalah seperti berikut:
  (i) Tempoh maksimum bagi pembiayaan baru adalah selama 3 tahun, dengan diberi pilihan untuk melanjutkan tempoh tersebut selama 2 tahun lagi;
  (ii) Kadar faedah pembiayaan yang dikenakan ke atas dana baru adalah BLR+1% setahun untuk tempoh 3 tahun. Selepas tempoh tersebut, kadar faedah pasaran akan dikenakan ke atas jumlah baki yang masih ada;
  (iii) Semua urus niaga berkaitan pinjaman baru akan dilaksanakan menerusi akaun tanpa cek *(non-checking account)* yang dikendali dan diawasi oleh salah sebuah institusi perbankan. Institusi perbankan tersebut dipertanggungjawabkan untuk mengesahkan pengeluaran dana berasaskan invois daripada pembekal;
  (iv) Semua pinjaman baru di bawah Program ini diberi keutamaan berbanding pinjaman yang sedia ada; dan
  (v) Semua pinjaman baru hanya boleh digunakan untuk tujuan operasi perniagaan sahaja, sementara urus niaga di antara syarikat sekumpulan tidak dibenarkan.

- Kerajaan telah menamatkan Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS) dan Tabung Industri Bumiputera (TIB) berkuat kuasa 3 April. Berikutan permintaan yang amat menggalakkan terhadap TIKS, kesemua peruntukan bagi tabung tersebut yang berjumlah RM1.85 bilion telah digunakan sepenuhnya. Di samping itu, peruntukan sebanyak RM100 juta di bawah TIB yang

telah berjalan selama tujuh tahun juga telah hampir habis digunakan. Sehingga 29 Februari 2000, jumlah pinjaman yang diluluskan di bawah TIKS dan TIB masing-masing berjumlah RM3.5 bilion dan RM98 juta. Walau bagaimanapun, peminjam-peminjam yang layak di bawah TIB boleh terus mendapatkan kemudahan pinjaman daripada Tabung Usahawan Baru.

- Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) telah ditubuhkan berkuat kuasa pada 15 April 2000. Dengan peruntukan permulaan sebanyak RM200 juta, TIKS2 ditubuhkan khusus untuk membantu IKS yang mempunyai kaitan dengan industri yang berorientasikan eksport. Kadar pinjaman bagi dana yang diperoleh melalui TIKS2 adalah 6.5% setahun. TIKS2 adalah di bawah pentadbiran CGC.

- Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB) dengan peruntukan sebanyak RM300 juta telah ditubuhkan pada 10 Februari 2000 untuk membantu usahawan Bumiputera kecil dan sederhana. Objektif utama TPUB adalah untuk menyalurkan pembiayaan pada kos yang berpatutan bagi membolehkan usahawan Bumiputera yang menghadapi masalah untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan, boleh memulakan projek baru atau meneruskan projek sedia ada yang berdaya maju. Ini bertujuan untuk memberi sokongan kepada usahawan Bumiputera dan menggalakkan penyertaan yang lebih tinggi dalam kegiatan perniagaan. Skop bantuan TPUB meliputi kesemua sektor dalam ekonomi. Kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman di bawah TPUB adalah sebanyak 5% setahun.

- Garis panduan yang baru bagi pemberian pinjaman kepada sektor-sektor utama telah dikeluarkan berkuat kuasa pada 1 April 2000. Garis panduan ini telah menetapkan sasaran untuk pemberian pinjaman kepada masyarakat Bumiputera dan sektor perumahan bagi memastikan kedua-dua sektor ini terus mempunyai akses kepada kredit daripada institusi perbankan. Garis panduan ini menggantikan garis panduan yang lama untuk pinjaman kepada masyarakat Bumiputera dan komitmen pinjaman perumahan di bawah Garis Panduan kepada Sektor Keutamaan yang telah dikeluarkan pada tahun 1998 dan tamat tempoh pada 31 Mac 2000. Di bawah garis panduan yang baru, pinjaman kepada masyarakat Bumiputera ditetapkan pada tahap keperluan minimum sebanyak 30% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan pada 31 Disember 1999, yang perlu dipatuhi menjelang 31 Disember 2001. Di samping itu, bank perdagangan dan syarikat kewangan sebagai satu kumpulan, dikehendaki membuat komitmen untuk membiayai pembelian atau pembinaan sekurang-kurangnya 150,000 unit rumah, setiap satu unit berharga RM100,000 dan ke bawah, menjelang 31 Disember 2001.

berpihak kepada AS meningkat kepada 3.15% pada akhir tahun 2000 daripada 2.82% pada akhir tahun 1999. Walau bagaimanapun, perbezaan kadar faedah benar mengecil daripada 2.61% pada akhir tahun 1999 kepada 1.15% pada akhir tahun 2000, mencerminkan kadar inflasi yang lebih tinggi di AS sementara kadar inflasi di Malaysia terus menyederhana. Namun, pada awal tahun 2001, perbezaan kadar faedah di antara Malaysia dan AS mengecil kepada 2.15% (+0.05% mengikut kiraan benar) berikutan pengurangan dalam Kadar Dana Persekutuan sebanyak 100 mata asas.

Aliran modal pada tahun 2000 tidak menggugat kestabilan pasaran kewangan dalam negeri. Aliran keluar modal mencerminkan terutamanya urus niaga berkaitan dengan dagangan dan pemindahan oleh pemastautin bagi tujuan pelaburan ke luar negara, bayaran perkhidmatan termasuk pendidikan dan perjalanan, serta pemulangan upah dan pembayaran balik hutang. Kedudukan rizab kekal kukuh berikutan aliran masuk membiayai aliran keluar. Pengekalan peraturan yang menghalang urus niaga ringgit di luar pesisir terbukti berkesan bagi memastikan suasana yang stabil. Ini telah memberikan fleksibiliti kepada dasar monetari untuk digubal mengikut keadaan dalam negeri. Aktiviti berian pinjaman meningkat pada tahun 2000 dalam suasana kadar faedah yang rendah dan mudah tunai yang lega serta kedudukan sistem perbankan yang kukuh. Pinjaman terkumpul meningkat semenjak bulan Februari, sementara

kelulusan dan pemberian pinjaman juga meningkat sepanjang tahun 2000.

Rangka kerja monetari pada tahun 2000 terus beroperasi di bawah rejim kadar pertukaran tetap dengan ringgit ditetapkan pada RM3.80=AS$1. Ianya telah berkuat kuasa semenjak bulan September 1998. Paras kadar faedah yang stabil terus menyediakan suasana yang lebih pasti dan dapat dijangka bagi memudahkan perancangan dan keputusan pelaburan oleh komuniti perniagaan. Pada tahun 2000, mata wang serantau mengalami pergerakan turun-naik. Dalam menggubal dasar kadar pertukaran ringgit, keupayaan untuk membezakan di antara perkembangan yang bersifat sementara dengan perkembangan yang lebih kekal sifatnya adalah kritikal untuk mencapai rejim yang stabil. Kadar ringgit tidak sepatutnya hanya ditentukan semata-mata oleh perkembangan jangka pendek di pasaran pertukaran asing. Kekerapan mengubah penetapan kadar ringgit sebagai tindak balas terhadap perkembangan jangka pendek yang tidak mencerminkan asas akan menjejaskan faedah kestabilan yang dicapai melalui perlaksanaan kadar pertukaran yang tetap. Yang penting ialah penentuan kadar ringgit adalah berlandaskan asas ekonomi makro dalam negeri serta perkembangan luar negeri yang memberi kesan ke atas asas ekonomi.

Dalam hal ini, BNM telah memantau beberapa penunjuk untuk memastikan kadar pertukaran adalah konsisten dengan asas ekonomi. Penyusutan dalam nilai kadar pertukaran efektif ringgit benar adalah kecil iaitu di antara 6-8% pada akhir tahun 1999. Penyusutan nilai berlaku walaupun asas ekonomi semakin kukuh dan mata wang serantau meningkat semenjak kadar ringgit ditetapkan pada bulan September 1998. Oleh kerana kadar penyusutan nilai adalah kecil, ianya tidak menimbulkan tekanan inflasi dalam ekonomi. Pada tahun 2000, mata wang serantau mengalami kejatuhan yang nyata dalam lingkungan 3.9% hingga 37.1% berbanding dolar AS dan ringgit, sebahagian besarnya disebabkan oleh perkembangan dalam negeri di negara serantau. Perkembangan ini telah menyebabkan kenaikan dalam kadar pertukaran efektif ringgit benar sebanyak 4.8% pada tahun 2000, justeru menunjukkan bahawa kadar penyusutan nilai ringgit telah mengecil dan ianya hampir pada nilai yang seimbang. Oleh itu, kadar pertukaran tetap ringgit masih lagi konsisten dengan asas ekonomi, dengan akaun semasa imbangan pembayaran terus mencatat lebihan, inflasi yang rendah dan paras rizab yang kukuh.

Sepanjang tahun 2000, dasar ekonomi makro iaitu dasar fiskal dan monetari bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam suasana inflasi dalam negeri yang rendah. Faktor-faktor ini berserta dengan lebihan akaun semasa yang besar dan paras rizab yang tinggi telah menyokong langkah penetapan nilai ringgit. Tambahan lagi, kedudukan luaran yang bertambah baik telah mengurangkan keterbukaan Malaysia kepada kejutan luar negara. Hutang luar negara adalah rendah dengan rizab melebihi hutang luar negara jangka pendek sebanyak enam kali. Keadaan inflasi yang rendah dan penstrukturan semula yang dilaksanakan oleh sektor korporat selepas tempoh berlakunya krisis telah meningkatkan daya saing antarabangsa melalui peningkatan kecekapan dan kestabilan harga.

Perkembangan Monetari

Perkembangan monetari pada tahun 2000 adalah stabil dan mengikut jangkaan BNM.

Keadaan monetari secara keseluruhannya bertambah baik. Inflasi berada pada tahap yang rendah dan pinjaman bank telah meningkat. Kesemua agregat monetari terus berkembang selaras dengan prestasi ekonomi secara keseluruhannya.

Mencerminkan keadaan ini, pergerakan kadar faedah pada tahun 2000 kekal tidak berubah berikutan mudah tunai yang lega dalam sistem perbankan. Pada sebahagian besar tahun 2000, BNM terus menyerap mudah tunai yang berlebihan daripada sistem bagi mengekalkan keadaan mudah tunai yang stabil.

Kadar Campurtangan 3 bulan BNM telah dikekalkan pada kadar 5.50% sepanjang tahun 2000 (lihat Graf 2.2). Kadar faedah antara bank

secara relatifnya juga kekal stabil pada paras yang rendah. Pada tujuh bulan pertama tahun 2000, purata kadar faedah antara bank 3 bulan berada pada tahap terendah dan bergerak dalam julat yang kecil iaitu antara 3.13-3.18% (3.13-6.43% pada tahun 1999). Walau bagaimanapun, kadar faedah antara bank meningkat sedikit pada akhir bulan Julai mencerminkan peningkatan dalam purata kadar faedah antara bank 3 bulan kepada 3.19-3.27% pada separuh tahun kedua tahun 2000. Oleh itu, berbanding dengan paras pada akhir tahun 1999, kadar faedah antara bank 3 bulan telah meningkat sedikit iaitu sebanyak tujuh mata asas kepada 3.25% pada akhir tahun 2000.

Kadar faedah runcit institusi perbankan adalah pada amnya stabil pada sepanjang tahun (lihat Graf 2.3). Persaingan di antara institusi perbankan dalam suasana mudah tunai yang lega telah mengurangkan sedikit kadar berian pinjaman, manakala kadar faedah deposit menokok berikutan meningkatnya kadar faedah antara bank menjelang penghujung bulan Julai. Purata kadar berian pinjaman asas (BLR) bank perdagangan berada pada tahap terendahnya iaitu pada kadar 6.75% pada bulan Mei berbanding dengan tahap terendah sebelum ini iaitu pada kadar 6.79% yang dicatatkan semenjak bulan Ogos 1999, sebelum menjadi stabil kepada 6.78% pada akhir tahun 2000. Bagi syarikat kewangan, BLR kekal tidak berubah pada paras terendah iaitu pada kadar 7.95% semenjak bulan Ogos 1999. Dari segi purata kadar berian pinjaman, kadar faedah yang lebih rendah juga dicatatkan bagi kedua-dua bank perdagangan dan syarikat kewangan (30 dan sembilan mata asas pada kadar 7.45% dan 11.14%) pada akhir bulan Disember.

Objektif untuk mengekalkan kadar faedah benar yang positif kepada para penyimpan terus menjadi satu keutamaan yang penting. Purata kadar faedah deposit tetap bagi semua tempoh matang berada pada tahap yang lebih tinggi daripada purata kadar inflasi pada sepanjang tahun 2000. Namun demikian, terdapat sedikit tekanan ke bawah pada separuh tahun pertama mencerminkan keadaan mudah tunai yang lega. Purata kadar faedah deposit tetap 3 bulan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing merosot sebanyak tujuh dan 19 mata

Graf 2.2
Kadar Antara Bank (purata bulanan)



asas kepada 3.26% dan 3.30% pada akhir bulan Julai (3.33% dan 3.49% pada akhir tahun 1999). Walau bagaimanapun, arah aliran ini bertukar berikutan peningkatan dalam kadar faedah antara bank pada akhir bulan Julai yang menyebabkan peningkatan kadar faedah deposit pada bulan Ogos. Dalam keadaan ini, para penyimpan terus menikmati kadar pulangan benar positif yang berpatutan daripada simpanan mereka. Oleh itu, purata kadar faedah tetap bagi tempoh matang 1 dan 12 bulan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing meningkat kepada 3.44-4.08% dan 3.46-4.21% pada akhir bulan Disember (3.20-3.90% dan 3.22-4.04% pada akhir bulan Julai).

Peningkatan yang lebih besar telah dicatatkan bagi tempoh matang yang lebih singkat berbanding tempoh matang yang lebih panjang. Bagi bank perdagangan, purata kadar faedah tetap 1 bulan meningkat sebanyak 24 mata asas berbanding dengan 18 mata asas bagi kadar faedah 12 bulan. Bersamaan dengan itu, syarikat kewangan juga mengalami peningkatan sebanyak 24 mata asas berbanding 17 mata asas. Justeru itu, struktur terma kadar faedah deposit tetap menjadi lebih cengkung berbanding pada akhir tahun 1999.

Kadar faedah deposit tabungan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan juga bergerak dalam arah aliran yang sama dengan kadar faedah deposit tetap, iaitu dengan kejatuhan yang sedikit pada separuh

Graf 2.3
Kadar Faedah Institusi Perbankan



Graf 2.4
Perbezaan Kadar Faedah Benar



tahun pertama dan selepas itu meningkat pada bulan Ogos berikutan peningkatan dalam kadar faedah antara bank. Oleh itu, kadar deposit tabungan bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing berada pada 2.72% dan 3.44% pada akhir tahun 2000 (masing-masing 2.69% dan 3.24% pada akhir bulan Julai, 2.76% dan 3.50% pada akhir tahun 1999).

Margin kadar faedah bank perdagangan pada tujuh bulan pertama tahun 2000 adalah stabil mencerminkan penurunan dalam purata kadar berian pinjaman (ALR) yang secara amnya sejajar dengan penurunan dalam purata kos dana (ACF). Berikutan peningkatan dalam kadar deposit pada bulan Ogos, ACF bank perdagangan juga mengalami peningkatan, sementara ALR terus menurun. Keadaan ini mendorong kepada pengecilan dalam margin kadar faedah sebanyak 23 mata asas kepada 4.29% pada akhir tahun 2000. Bagi keseluruhan tahun, margin kadar faedah bank perdagangan menurun sebanyak 17 mata asas. Perkembangan yang positif ini mencerminkan pemindahan dalam kos pemberian pinjaman yang rendah kepada para peminjam ekoran daripada persaingan yang intensif dalam pasaran berian pinjaman dalam keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi.

Sebaliknya, pada sebahagian besar tahun 2000, syarikat kewangan mengalami peningkatan dalam kadar margin seperti yang ditunjukkan oleh kenaikan dalam margin mereka sebanyak 33 mata asas daripada 6.83% pada akhir bulan

Januari kepada 7.16% pada akhir bulan Julai. Ini mencerminkan penurunan yang lebih pantas dalam ACF mereka berikutan deposit berkos tinggi yang telah matang yang melebihi penurunan dalam ALR mereka. Semenjak kenaikan dalam kadar deposit pada bulan Ogos, ACF syarikat kewangan turut meningkat, dan dengan itu mengurangkan kadar margin mereka sebanyak lapan mata asas kepada 7.08% pada akhir tahun 2000.

Perbandingan antarabangsa kadar faedah benar (kadar faedah antara bank tolak inflasi) di antara Malaysia dan Amerika Syarikat menunjukkan bahawa perbezaan masih negatif oleh kerana kedua-dua ekonomi ini melaksanakan dasar monetari yang berbeza untuk menangani masalah dalam negeri masing-masing. Perbandingan dengan kadar di Singapura bagaimanapun menunjukkan bahawa perbezaan kadar faedah benar adalah positif dan berpihak kepada Malaysia.

Pada tahun 2000, bekalan wang terus meningkat sejajar dengan pemulihan ekonomi. Namun begitu, agregat monetari meningkat pada kadar yang lebih sederhana berbanding tahun 1999, mencerminkan beberapa faktor tertentu. Bagi wang secara kecil, M1, pertumbuhan yang lebih perlahan berbanding peningkatan yang ketara pada tahun 1999, disebabkan terutamanya oleh pemulangan mata wang oleh sektor swasta dengan berlalunya Y2K. Sementara itu, perkembangan wang secara luas telah

Jadual 2.2
Kadar Faedah Institusi Perbankan (%)

	Pada akhir tahun	1999	2000	Perbezaan
Bank perdagangan	Deposit tetap 3 bulan	3.33	3.47	0.14
	Deposit tabungan	2.76	2.72	–0.04
	Kadar berian pinjaman asas	6.79	6.78	–0.01
Syarikat kewangan	Deposit tetap 3 bulan	3.49	3.52	0.03
	Deposit tabungan	3.50	3.44	–0.06
	Kadar berian pinjaman asas	7.95	7.95	0.00

Jadual 2.3
Margin Faedah Institusi Perbankan (%)

	Pada akhir tahun	1999	2000	Perbezaan
Bank perdagangan	Purata kadar berian pinjaman (ALR)	7.75	7.45	–0.30
	Tolak Purata kos dana (ACF)	3.29	3.16	–0.13
	Margin faedah	4.46	4.29	–0.17
Syarikat kewangan	Purata kadar berian pinjaman (ALR)	11.23	11.14	–0.09
	Tolak Purata kos dana (ACF)	4.57	4.06	–0.51
	Margin faedah	6.66	7.08	0.42

dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi dalam negeri, pengaliran keluar dana disebabkan oleh faktor khusus, serta simpanan deposit di BNM oleh sebuah institusi kewangan bukan bank. Secara keseluruhannya, prestasi agregat monetari adalah konsisten dengan dasar untuk menyediakan mudah tunai yang mencukupi bagi membiayai perkembangan

Graf 2.5
Bekalan Wang

Bekalan Wang: Pertumbuhan Tahunan



Bekalan Wang: Sumbangan kepada pertumbuhan M3



keluaran benar di samping memastikan kestabilan harga.

Wang secara kecil atau M1, yang telah meningkat dengan nyata pada suku keempat tahun 1999, menyederhana dengan nyata pada separuh tahun pertama tahun 2000 dengan berlalunya Y2K dan kesan pemulangan mata wang oleh sektor swasta. Pada tempoh Julai-Oktober, pengembangan dalam M1 mencerminkan peningkatan dalam permintaan bagi baki urus niaga. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan tahunan menyederhana kepada 6.5% pada akhir bulan Disember 2000 mencerminkan asas yang tinggi pada akhir tahun 1999. Namun begitu, walaupun terdapat pengeluaran mata wang yang banyak pada tahun 1999 (RM6.5 bilion), hanya lebih sedikit daripada satu pertiga daripada kenaikan dalam mata wang dalam edaran telah dipulangkan pada tahun 2000. Oleh itu, sungguhpun mata wang dalam edaran jatuh sebanyak RM2.5 bilion pada tahun ini, deposit permintaan meningkat sebanyak RM7.3 bilion. Agregat monetari yang lebih luas, M2 dan M3, juga turut meningkat pada tahun ini (masing-masing sebanyak 5.2% dan 5% pada akhir tahun 2000).

Sepanjang tahun 2000, M3 meningkat sebanyak RM21.9 bilion (RM33.1 bilion pada tahun 1999) kepada RM456.5 bilion pada akhir tahun 2000. Dari segi komponen, permintaan bagi baki urus niaga juga dipengaruhi oleh peralihan dana dari mata wang kepada jenis deposit yang lain berikutan kejayaan perlaksanaan Y2K. Perkembangan ini berserta dengan pendapatan yang lebih tinggi berikutan aktiviti ekonomi yang berkembang dan lebihan dagangan yang besar telah menyebabkan peningkatan dalam separuh wang secara luas (deposit tetap dan

Graf 2.6
Perbezaan Kadar Faedah: NID Berbanding dengan Deposit Tetap



tabungan oleh sektor swasta, instrumen deposit boleh niaga atau NID, dan perjanjian belian balik atau repo dengan sistem perbankan) sebanyak RM16.2 bilion atau 4.5% (1999: RM14.7 bilion atau 4.2%).

Dari segi instrumen, deposit tetap serta deposit tabungan terus mencatat peningkatan pada tahun 2000, masing-masing sebanyak RM8.2 bilion dan RM6.4 bilion (masing-masing sebanyak RM29.7 bilion dan RM7.9 bilion pada tahun 1999). Peningkatan dalam deposit tetap adalah disebabkan oleh peningkatan dalam deposit pelaburan secara Islam (RM7.5 bilion), mencerminkan jurang yang semakin mengecil di antara kadar pulangan deposit ini berbanding deposit tetap secara konvensional serta usaha BNM untuk membangunkan perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Pada tahun 2000, deposit mata wang asing juga meningkat sebanyak RM2.9 bilion atau 41.8% (RM1.4 bilion atau 25% pada tahun 1999), terutamanya oleh usahawan perniagaan, untuk memudahkan

Jadual 2.4
Faktor Penentu M3

	Jumlah		Perubahan	
	1999	2000	1999	2000
	RM bilion			
M3	434.6	456.5	33.1	21.9
Pertumbuhan tahunan M3 (%)			8.3	5.0
di antaranya:				
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	–18.8	–14.4	2.2	4.4
Tuntutan ke atas sektor swasta	444.9	470.4	–6.8	25.5
Pinjaman	*380.4*	*398.3*	*–16.8*	*17.9*
Sekuriti	*64.5*	*72.1*	*10.0*	*7.6*
Aset bersih luar negara	124.7	126.9	30.0	2.2
Pengaruh bersih yang lain	–116.2	–126.4	7.7	–10.2

transaksi dagangan. Walau bagaimanapun, repo dan NID mencatatkan penurunan pada tahun 2000, masing-masing sebanyak RM0.3 bilion dan RM0.9 bilion, sebahagian besarnya mencerminkan kadar pulangan yang lebih rendah berbanding kadar deposit tetap (lihat Carta 2.6) dan, dengan itu peralihan dana di antara instrumen deposit tersebut.

Deposit sektor swasta yang dipegang oleh sektor perbankan meningkat secara sederhana sebanyak RM23.8 bilion atau 5.8% pada tahun 2000 (7% pada tahun 1999). Peningkatan yang sederhana ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertumbuhan deposit biasanya melewati pertumbuhan kredit pada tempoh selepas pemulihan ekonomi. Tambahan lagi, dengan pemulihan dalam prestasi perniagaan dan pendapatan yang lebih tinggi, beberapa syarikat telah mengeluarkan deposit untuk membayar balik pinjaman. Sementara itu, pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia juga dibiayai oleh dana daripada sistem perbankan dalam negeri. Pengaliran keluar yang lain mencerminkan pembayaran balik hutang luar negara serta penghantaran balik pelaburan portfolio. Satu lagi faktor penting yang menyumbang kepada pertumbuhan deposit yang lebih rendah adalah simpanan deposit oleh sebuah institusi kewangan bukan bank dengan BNM dan bukannya dengan sistem perbankan, berbanding dengan pengeluaran deposit dari BNM setahun yang lalu. Jika dana ini masih disimpan di dalam sistem perbankan, deposit akan mencatat peningkatan sebanyak 7.5% pada tahun 2000.

Dari segi penentu, sumber utama pertumbuhan monetari adalah hasil daripada tuntutan ke atas sektor swasta yang meningkat sebanyak RM25.5 bilion (-RM6.8 bilion pada tahun 1999), yang menyumbang sebanyak 5.9 mata peratus kepada pertumbuhan M3. Ini mencerminkan pinjaman yang lebih tinggi yang disalurkan kepada sektor swasta (RM17.9 bilion) serta pegangan yang lebih tinggi sekuriti hutang swasta oleh sistem perbankan (RM7.6 bilion).

Operasi Kerajaan juga memberi kesan pengembangan ke atas bekalan wang pada tahun 2000 (RM4.4 bilion). Walau bagaimanapun, mencerminkan perbelanjaan bermusim yang rendah pada separuh tahun pertama, operasi Kerajaan memberi kesan penguncupan ke atas bekalan wang seperti yang

Jadual 2.5
Sumber Pembiayaan Baru oleh Sektor Swasta (sepanjang tahun)

	RM juta				
	1985	1997	1998	1999	2000
Sistem perbankan (perubahan)	8,082	89,210	5,377	1,140	23,206
Lain-lain institusi kewangan	–37	1,102	1,564	1,596	1,510
Modal usaha niaga	–	201	200	104	117
Pasaran modal	645	32,461	7,804	16,201	21,912
Ekuiti	*645*	*18,358*	*1,788*	*6,096*	*6,004*
Sekuriti hutang swasta	–	*14,103*	*6,016*	*10,105*	*15,908*
Jumlah	8,690	122,974	14,945	19,041	46,745

dicerminkan oleh peningkatan deposit Kerajaan dengan BNM dan sistem perbankan (RM7.4 bilion). Sebaliknya, pada separuh tahun kedua, operasi Kerajaan memberi kesan pengembangan yang besar oleh kerana Kerajaan telah mengeluarkan deposit daripada BNM dan sistem perbankan (RM8.5 bilion) untuk membiayai perbelanjaan yang lebih tinggi dan juga pembayaran balik pinjaman. Bagi keseluruhan tahun 2000, pengembangan operasi Kerajaan juga mencerminkan pegangan sekuriti Kerajaan yang lebih tinggi oleh institusi perbankan (RM3.3 bilion). Sementara itu, operasi luar negeri oleh sektor swasta bukan bank juga memberikan kesan pengembangan ke atas bekalan wang, walaupun lebih kecil sebanyak RM2.2 bilion.

Kesan pengembangan daripada tuntutan ke atas sektor swasta dan Kerajaan serta operasi luar negeri pada sebahagiannya telah diimbangi oleh kesan penguncupan "pengaruh lain". Ini mencerminkan terutamanya kenaikan dalam deposit oleh sebuah institusi kewangan bukan bank dengan BNM; peningkatan keuntungan oleh institusi perbankan pada tahun 2000; serta peruntukan yang lebih tinggi ke atas pinjaman selaras dengan kenaikan dalam kredit bank.

Seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh, pembiayaan yang disalurkan oleh sistem perbankan kembali pulih pada tahun 2000. Jumlah pinjaman yang belum dijelaskan (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta) meningkat sebanyak RM23.2 bilion atau 5.4% pada tahun 2000. Bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 6.4% dan 4.3%, sementara bank

saudagar mencatat penguncupan sebanyak 5.7%. Termasuk pegangan sekuriti hutang swasta oleh institusi perbankan yang meningkat sebanyak RM7.1 bilion, pembiayaan yang disalurkan oleh sistem perbankan adalah lebih tinggi sebanyak RM30.3 bilion atau 6.9% pada tahun 2000.

Sementara pinjaman yang disalurkan oleh sistem perbankan menyumbangkan jumlah terbesar dari segi pembiayaan ekonomi, punca-punca pembiayaan lain telah meningkat dengan ketara. Pasaran ekuiti dan sekuriti hutang swasta telah mengembang dengan nyata pada tahun 2000 untuk melengkapkan pembiayaan melalui sistem perbankan.

Dalam sistem perbankan, jumlah pinjaman yang belum dijelaskan telah mencatatkan prestasi menaik semenjak bulan Februari dengan adanya mudah tunai yang mencukupi dan kedudukan institusi perbankan yang bertambah kukuh. Walaupun peningkatan semula dalam jumlah pinjaman yang belum dijelaskan adalah ketara berbanding tahun 1999, peningkatan tersebut secara keseluruhannya adalah sederhana, mencerminkan kombinasi beberapa faktor:

- Pemulihan ekonomi pada awalnya telah dirangsang oleh sektor eksport yang kukuh serta dorongan fiskal dan kemudiannya oleh pemulihan semula dalam permintaan tempatan. Kebanyakan syarikat multinasional dan firma perkilangan yang besar yang menunjukkan prestasi eksport yang kukuh bergantung terutamanya kepada dana dalaman dan keadaan aliran wang tunai yang telah bertambah baik untuk membiayai operasi perniagaan dan bukannya kepada pinjaman daripada sistem perbankan.

- Terdapat peningkatan dalam rekursa kepada pembiayaan jenis hutang bukan bank dan penerbitan ekuiti oleh sektor korporat. Dalam keadaan kadar faedah yang rendah pada masa ini, terdapat insentif untuk memperoleh dana daripada pasaran sekuriti hutang swasta bagi mendapatkan pembiayaan jangka panjang pada kadar yang kompetitif.

- Sementara institusi perbankan telah meningkatkan aktiviti pemberian pinjaman mereka dengan nyata seperti yang dapat diperhatikan daripada peningkatan yang ketara dalam jumlah pinjaman yang dikeluarkan dan diluluskan pada tahun 2000, pengeluaran pinjaman yang tinggi tersebut hampir diimbangi oleh pembayaran balik pinjaman terutamanya daripada sektor perkilangan dan perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel. Secara amnya, firma telah membuat pinjaman jangka pendek untuk memenuhi keperluan modal kerja dan bukannya membuat pinjaman jangka panjang bagi tujuan pelaburan. Dengan itu, terdapat pusingan dalam pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman yang tinggi, yang menyebabkan peningkatan yang sederhana dalam jumlah pinjaman yang belum dijelaskan.

Graf 2.7
Pinjaman yang Diluluskan, Pengeluaran Pinjaman dan Pembayaran balik (RM bilion)



- Berikutan kapasiti yang berlebihan di beberapa industri tertentu, sektor perniagaan mempunyai kecenderungan untuk menggunakan lebihan wang tunai mereka untuk membayar balik pinjaman dan mengurangkan leveraj.

- Aktiviti pemberian pinjaman yang kukuh oleh institusi perbankan juga sedikit sebanyak diimbangi oleh pinjaman yang telah dihapus kira dan diubah bentuk melalui skima konversi hutang.

Secara keseluruhannya, peningkatan di pembayaran balik pinjaman dan rekursa kepada pasaran sekuriti hutang swasta merupakan perkembangan yang positif kerana

ianya dapat mengurangkan risiko potensi keingkaran pembayaran balik pinjaman serta pergantungan berlebihan ke atas sistem perbankan, khususnya bagi pembiayaan jangka panjang. Walau bagaimanapun, dengan adanya syarikat terutamanya dalam industri perkilangan yang mencapai kapasiti penuh, pelaburan baru telah mula dilaksanakan dengan rekursa kepada pembiayaan melalui sistem perbankan yang lebih tinggi.

Pada tahun 2000, pengeluaran pinjaman dan jumlah pinjaman yang diluluskan oleh institusi perbankan masing-masing meningkat dengan nyata sebanyak 13.4% dan 27.7%. Penyaluran pinjaman yang dikeluarkan adalah secara luas dengan sebahagian besar pengeluaran pinjaman ditujukan kepada sektor perkilangan, sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel, sektor harta benda yang luas dan untuk kredit penggunaan. Sementara itu, pinjaman yang diluluskan adalah sebanyak RM133.2 bilion, dengan sebahagian besarnya untuk pembelian harta kediaman, aktiviti perkilangan, pembelian kereta penumpang dan aktiviti pembinaan.

Dari segi sektor, peningkatan dalam jumlah pinjaman yang belum dijelaskan adalah paling ketara bagi pembelian harta kediaman, pembelian kereta penumpang, aktiviti perkilangan, sektor pertanian dan kad kredit. Pinjaman kepada sektor isi rumah meningkat dengan nyata selaras dengan peningkatan dalam pendapatan boleh guna dan keyakinan pengguna yang bertambah baik serta permintaan terpendam berikutan tempoh ketidakpastian semasa kemelesetan ekonomi. Seperti dalam pusingan perniagaan sebelum ini, pinjaman yang disalurkan kepada sektor isi rumah kembali pulih dengan lebih cepat selepas kemelesetan ekonomi berbanding dengan perusahaan perniagaan. Tambahan lagi, kadar faedah yang paling rendah dalam sejarah dan harga yang kompetitif terutamanya dalam sektor harta benda, menjadikan pembelian rumah dan kereta penumpang lebih menarik kepada isi rumah. Di samping itu, institusi perbankan juga mempromosikan skima pembiayaan yang fleksibel dan inovatif secara agresif.

Jadual 2.6
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman yang Belum Dijelaskan mengikut Sektor

	Pada akhir tahun		Perubahan 2000	Bahagian daripada jumlah 2000
	1999	2000		
	RM bilion			%
Pertanian, perhutanan dan perikanan	9.5	12.0	2.5	2.6
Perlombongan dan kuari	1.7	1.7	...	0.4
Perkilangan	66.2	68.4	2.2	15.1
Bekalan elektrik, gas dan air	7.4	7.8	0.4	1.7
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	36.8	38.3	1.5	8.4
Sektor harta benda yang luas	155.2	163.2	8.0	35.9
Pembinaan	*43.4*	*41.1*	*–2.3*	*9.1*
Pembelian harta kediaman	*63.1*	*74.3*	*11.2*	*16.4*
Pembelian harta bukan kediaman	*30.0*	*29.4*	*–0.6*	*6.5*
Harta tanah	*18.7*	*18.4*	*–0.3*	*4.1*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	15.7	13.7	–2.0	3.0
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	34.0	34.5	0.4	7.6
Kredit penggunaan	51.4	59.7	8.4	13.1
Kad kredit	*5.5*	*7.4*	*2.0*	*1.6*
Pembelian kenderaan penumpang	*31.1*	*37.5*	*6.4*	*8.2*
Pembelian sekuriti	33.7	33.5	–0.2	7.4
Pembelian kenderaan pengangkutan	2.0	1.7	–0.2	0.4
Perkhidmatan sosial, masyarakat dan persendirian	7.2	6.3	–0.9	1.4
Lain-lain	10.4	13.3	3.0	2.9
Jumlah pinjaman yang belum dijelaskan [2]	431.0	454.2	23.2	100.0
Campur: Pegangan sekuriti hutang swasta	11.0	18.1	7.1	
Jumlah Pembiayaan	442.0	472.3	30.3	

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta.

Rencana II

Inflasi Teras

Pengenalan

Objektif dasar monetari adalah untuk mengekalkan kestabilan harga - dalam bentuk inflasi yang rendah dan stabil - untuk menyediakan satu persekitaran yang sesuai untuk pertumbuhan ekonomi yang mapan. Inflasi didefinisikan sebagai kenaikan paras harga umum. Secara praktikalnya, inflasi pada kebiasaannya diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), yang pada umumnya juga dikenali sebagai inflasi utama. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai konsep dalam ukuran inflasi selain daripada piawaian IHP untuk menganalisa punca inflasi dengan lebih tepat. Salah satu daripada ukuran tersebut ialah inflasi teras. Artikel ini membincangkan konsep inflasi teras serta penggunaan dan faedah kegunaannya, terutamanya di Malaysia.

Faedah Kegunaan Ukuran Inflasi Teras

Perubahan kadar inflasi adalah disebabkan oleh sama ada perubahan keadaan permintaan atau penawaran, atau kedua-duanya sekali. Perubahan dalam keadaan permintaan pada umumnya membawa kepada perubahan yang berterusan dalam paras harga dan dengan itu, perubahan dalam aliran inflasi asas. Oleh itu, kejutan permintaan adalah kejutan kepada kadar inflasi jangka panjang. Sebaliknya, kejutan penawaran kepada paras harga pada umumnya membawa kepada kenaikan sementara pada inflasi, di mana inflasi kembali semula ke arah aliran asas apabila kejutan ini beransur hilang. Walau bagaimanapun, kejutan penawaran boleh membawa kepada kenaikan yang berkekalan dalam paras harga, sekiranya ianya disokong oleh dasar monetari yang bersifat akomodatif.

Oleh itu, perlaksanaan dasar monetari yang efektif memerlukan badan berkuasa monetari yang berupaya untuk menilai dengan tepat punca pergerakan inflasi semasa dan hadapan. Lebih tepat lagi, adalah penting bagi penggubal dasar untuk membezakan sama ada kenaikan inflasi adalah disebabkan oleh kejutan penawaran, yang mana ianya tidak dapat dipengaruhi oleh dasar kewangan malahan boleh menjadikan ianya lebih buruk, atau pun disebabkan oleh keadaan permintaan yang dapat dipengaruhi secara terus oleh dasar monetari.

Kebolehan penggubal dasar untuk mengenal pasti punca kenaikan inflasi akan membantu kepada penggubalan tindak balas dasar yang sesuai. Kenaikan dalam inflasi berikutan perubahan dalam keadaan permintaan memerlukan tindak balas daripada dasar kewangan. Kenaikan inflasi yang disebabkan oleh perubahan dalam keadaan penawaran perlu diatasi melalui dasar lain, seperti dasar fiskal dan perdagangan, yang ditumpukan ke arah meningkatkan kecekapan, memperbaiki rangkaian pengagihan dan meningkatkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan.

IHP, seperti yang diukur pada kebiasaannya, ialah indeks berwajaran kumpulan barangan yang mencerminkan corak perbelanjaan isi rumah. Pergerakan harga sesetengah komponen dalam kumpulan barangan ini, seperti makanan dan tenaga, sering kali lebih dipengaruhi oleh kejutan penawaran daripada perubahan dalam keadaan permintaan dan, dengan itu, adalah lebih tidak menentu. Oleh itu, badan berkuasa monetari pada umumnya bergantung kepada ukuran inflasi alternatif untuk memberikan penilaian yang lebih jelas mengenai arah aliran inflasi asas dalam ekonomi.

Ukuran Inflasi Teras

Inflasi teras mengukur inflasi yang disebabkan oleh kenaikan yang berterusan dalam paras harga, yang disebabkan oleh kejutan permintaan yang mengakibatkan kenaikan yang kekal dalam kadar inflasi. Pada masa yang sama, ia menyisihkan kesan kenaikan sementara atau kenaikan sesekali dalam paras harga yang disebabkan oleh kejutan penawaran. Oleh kerana inflasi teras bertujuan untuk mengukur inflasi asas yang dipengaruhi oleh keadaan permintaan dan bukannya keadaan penawaran, ukuran inflasi yang diubah ini menyisih atau mengurangkan pengaruh harga barangan yang terdedah kepada faktor penawaran.

Dari segi statistik, terdapat beberapa alternatif untuk mengukur inflasi teras atau inflasi asas. Kaedah statistikal dan kovensional yang lebih dikenali untuk mengira ukuran inflasi teras ialah melalui **penyisihan barangan yang mempunyai harga yang tidak menentu dan barangan terkawal** dalam kumpulan IHP. Walau bagaimanapun, penyisihan yang kekal ke atas barangan ini telah melahirkan tanggapan bahawa perubahan harga barangan seperti ini

adalah bersifat sementara dan tidak memberikan maklumat yang menggambarkan arah aliran inflasi asas. Kaedah alternatif untuk mengatasi masalah ini ialah dengan mengambil kira kesemua barangan dalam IHP, tetapi dengan menggunakan wajaran alternatif atau **wajaran yang diubah suai**, dengan memberi wajaran yang lebih tinggi kepada barangan yang mempunyai ketidaktentuan harga yang rendah dan wajaran yang lebih rendah kepada barangan yang mempunyai ketidaktentuan harga yang tinggi. Seseorang boleh juga mengukur inflasi teras melalui dua ukuran kecenderungan tengah taburan, iaitu **purata yang dikemaskan** dan **median berwajaran**. Akhir sekali, inflasi teras juga boleh diukur melalui analisa **komponen utama** yang mengukur arah aliran harga umum yang menerajui harga pelbagai komponen dalam IHP.

Di beberapa buah negara yang mensasarkan inflasi - seperti United Kingdom, New Zealand, Finland dan Negeri Thai - inflasi teras dan bukannya inflasi utama digunakan sebagai angkubah sasaran mereka. Pada umumnya, sasaran di negara-negara ini ialah IHP yang "diselaraskan" yang tidak mengambil kira barangan tertentu daripada kumpulan barangan asal. Indeks inflasi teras lain yang telah dibincangkan di atas turut dikira dan digunakan untuk analisa polisi dalaman. Negara-negara lain yang mensasarkan inflasi - seperti

Graf II.1
Inflasi Utama dan Teras



Australia, Kanada, Sepanyol dan Sweden - menggunakan inflasi utama sebagai angkubah sasaran mereka dan bukannya inflasi teras. Sementara inflasi utama digunakan untuk kejelasan dasar monetari, ukuran inflasi teras walau bagaimanapun, tetap digunakan untuk memberikan kefahaman yang lebih baik mengenai punca tekanan inflasi.

Inflasi Teras di Malaysia

Bank Negara Malaysia telah mengira indeks inflasi teras ini untuk memperbaiki analisa tentang inflasi asas dalam ekonomi. Carta 1 menunjukkan inflasi utama dan pelbagai ukuran inflasi teras untuk Malaysia bagi tempoh 1990-2000. Potensi kegunaan ukuran inflasi teras ini dapat dilihat dengan menganalisa dua tempoh singkat inflasi yang tinggi, iaitu 1991-94 dan 1997-98.

Peningkatan inflasi pada 1991 pada mulanya mencerminkan peningkatan dalam inflasi asas. Walau bagaimanapun, di antara 1992-94, pelbagai ukuran inflasi teras menunjukkan inflasi asas pada tempoh tersebut adalah lebih rendah daripada inflasi utama. Sementara inflasi utama meningkat pada 1992, sebelum menurun ke paras yang lebih rendah, inflasi teras telah menunjukkan arah aliran menurun. Ukuran inflasi teras menunjukkan bahawa sebahagian daripada kenaikan inflasi pada 1992 dan kenaikan pada awal tahun 1994 adalah disebabkan oleh kekangan penawaran dan bukannya keadaan permintaan. Oleh itu, adalah bertepatan langkah dasar yang telah diambil untuk mengawal tekanan inflasi yang memberi tumpuan kepada pengawalan fiskal serta penghapusan dan pengurangan duti import ke atas lebih daripada 600 barangan, termasuk makanan, barangan isi rumah, pakaian, dan barangan elektrik dan elektronik. Namun, disebabkan keadaan mudah tunai yang berlebihan, kadar faedah telah juga dinaikkan pada tahun tersebut untuk memastikan bahawa tekanan inflasi hasil daripada keadaan penawaran tidak berubah menjadi tekanan inflasi yang diakibatkan oleh tekanan keadaan permintaan.

Namun begitu, semenjak 1995, pergerakan inflasi utama pada amnya adalah selaras dengan pergerakan arah aliran asasnya, seperti yang dicerminkan oleh pergerakan pelbagai ukuran inflasi teras. Pergerakan ukuran inflasi teras pada tempoh 1997-2000 menunjukkan bahawa penurunan dalam nilai ringgit pada 1997 telah membawa kepada peningkatan dalam kadar inflasi asas. Kecuali indeks yang tidak mengambil kira makanan, kesemua indeks lain menunjukkan kenaikan yang lebih kurang sama pada kadar inflasi teras pada tempoh tersebut. Dalam keadaan ini, penguncupan terhad dalam dasar monetari adalah bertepatan untuk mengawal jangkaan terhadap inflasi dan mengelakkan kenaikan harga buat kali kedua. Begitu juga, penurunan dalam tekanan inflasi selanjutnya semenjak separuh tahun kedua 1998, yang dicerminkan oleh ukuran inflasi teras telah membolehkan perlonggaran dasar monetari secara agresif.

Kesimpulan

Tindak balas dasar yang berkesan memerlukan penggubal dasar yang dapat membezakan arah aliran inflasi asas daripada perubahan harga yang disebabkan oleh faktor penawaran. Ini merupakan motivasi kepada pengiraan pelbagai indeks inflasi teras. Sementara BNM akan terus menganalisa pergerakan inflasi utama, penggubalan dasar juga bergantung kepada pelbagai ukuran inflasi teras untuk meningkatkan kefahaman tentang sumber pergerakan inflasi utama.

Sementara institusi perbankan meneruskan proses penggabungan pada tahun 2000, usaha telah diambil oleh BNM untuk memastikan proses pertukaran perubahan institusi ini tidak menjejaskan operasi pemberian pinjaman institusi perbankan. Dalam pada itu, setiap kumpulan perbankan telah menubuhkan jawantankuasa pemandu untuk menyelaraskan aktiviti penggabungan dan memantau tahap pemberian pinjaman dalam kumpulan. Tambahan lagi, institusi perbankan juga telah memastikan bahawa kakitangan yang terlibat dalam operasi dan kelulusan pinjaman dan pemprosesan adalah diasingkan daripada kakitangan yang mengendalikan penggabungan.

Dengan pelonggaran dalam garis panduan pada tahun 1999 dan aktiviti promosi yang agresif oleh institusi perbankan, BNM terus memantau perkembangan kad kredit. Hutang kad kredit yang belum dijelaskan hanya mencakupi sebanyak 1.6% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan dan 12.5% daripada jumlah kredit penggunaan pada akhir tahun 2000. Peningkatan dalam hutang kad kredit yang belum dijelaskan mencerminkan peningkatan dalam bilangan kad kredit dalam edaran daripada 2.3 juta pada akhir tahun 1999 kepada 2.8 juta pada akhir tahun 2000. Dari segi kualiti pinjaman, peratus jumlah pinjaman yang tidak berbayar (berdasarkan klasifikasi tiga-bulan) daripada jumlah hutang kad kredit yang belum dijelaskan telah menurun daripada 7.2% pada akhir tahun 1999 kepada 5% pada akhir tahun 2000. Sementara itu, sebahagian besar daripada perbelanjaan kad kredit ataupun 86.5% adalah untuk pembelian barangan dan perkhidmatan berbanding pendahuluan tunai (13.4%).

Dasar dan Operasi Fiskal

Belanjawan Tahun 2000 telah dirumuskan pada bulan Oktober 1999 ketika ekonomi negara baru sahaja pulih untuk mencatatkan pertumbuhan positif selepas mengalami pertumbuhan negatif selama lima suku tahunan berturut-turut. Permintaan dalam negeri masih lagi lemah dan lebihan kapasiti masih lagi ketara di beberapa buah sektor. Perkembangan di luar negara juga mungkin menjejaskan proses pemulihan ekonomi Malaysia. Memandangkan risiko-risiko ini, fokus Belanjawan Tahun 2000 adalah bertujuan untuk mengukuhkan pemulihan dan meningkatkan

Graf 2.8
Pengeluaran Pinjaman pada tahun 2000



Pinjaman yang Diluluskan pada tahun 2000



pertumbuhan ekonomi ke tahap yang selaras dengan potensi pertumbuhan ekonomi Malaysia. Matlamat tersebut boleh dicapai melalui lima strategi berikut, iaitu, mencergaskan pertumbuhan ekonomi; meningkatkan daya saing dan daya tahan negara; merombak sektor perkhidmatan; meningkatkan pembangunan sumber manusia; dan mengadakan program untuk memelihara kesejahteraan rakyat. Belanjawan ini telah dibentangkan semula di Parlimen pada 25 Februari 2000 berikutan pembubaran Parlimen pada 11 November 1999 disebabkan Pilihanraya Umum. Belanjawan Tahun 2000 yang disemak semula ini mengekalkan strategi Belanjawan yang asal serta kesemua cadangan berkaitan cukai dan bukan cukai.

Operasi belanjawan Kerajaan pada tahun 2000 kekal mengembang untuk merangsang aktiviti ekonomi melalui peruntukan yang lebih tinggi bagi kedua-dua perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Defisit fiskal dijangka sebanyak -4.1% daripada KDNK untuk tahun 2000. Di samping itu, Belanjawan tersebut turut mengandungi insentif fiskal cukai dan bukan

cukai yang tertumpu kepada peningkatan dalam permintaan dalam negeri, di samping mengukuhkan daya saing dan daya tahan negara melalui penggalakan beberapa sumber pertumbuhan baru, membangunkan tenaga kerja yang mahir dan mempunyai kemahiran teknologi, dan mempercepatkan penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat. Selain daripada insentif, Kerajaan juga telah menubuhkan beberapa buah tabung untuk menyokong projek yang berteknologi tinggi dan syarikat modal teroka serta industri kecil dan sederhana. Berhubung dengan dasar percukaiannya, Kerajaan telah meneruskan program rasionalisasi cukai yang bertujuan untuk meningkatkan hasil cukai dan keberkesanan pungutan cukai.

Sepanjang tahun 2000, peruntukan tambahan telah disediakan untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan, terutamanya untuk bidang pendidikan, penyelarasan gaji bagi kakitangan awam dan subsidi petroleum. Kesannya, defisit fiskal keseluruhan meningkat kepada -5.8% daripada KDNK. Walau bagaimanapun, ia kekal pada tahap yang berhemat. Rangsangan fiskal yang lebih besar ini merupakan faktor utama dalam memudahkan pertumbuhan ekonomi pada tahun 2000. Perbelanjaan sektor awam menyumbang sebanyak 3.2 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK benar sebanyak 8.5% pada tahun 2000. Di samping itu, ia memberikan dorongan pertumbuhan yang kukuh kepada sektor swasta yang menyumbang sebanyak 8.9 mata peratusan kepada pertumbuhan ekonomi pada tahun 2000. Hasilnya, tindak balas positif daripada sektor swasta terhadap langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan telah menyumbang kepada pemulihan ekonomi yang lebih meluas sifatnya, justeru memperkukuhkan daya tahan negara kepada risiko-risiko luar.

Sementara teras dasar fiskal kekal mengembang, Kerajaan telah mengekalkan fleksibiliti dan kemapanan fiskal menerusi komitmen yang kukuh terhadap kehematan dan disiplin fiskal dalam pengurusan kewangannya. Ini adalah perlu bagi memastikan rangsangan fiskal tidak menjejaskan pertumbuhan jangka panjang. Dasar fiskal yang berhemat menghasilkan tahap hutang Kerajaan Persekutuan yang kekal terurus dan kos khidmat hutang yang rendah. Pada akhir tahun 2000, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dibendung pada 37% daripada KDNK. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan mencakupi 15% daripada jumlah hutang yang belum dijelaskan. Kos khidmat hutang juga kekal rendah, mencakupi 16% daripada perbelanjaan mengurus.

Dalam menguruskan perbelanjaannya, Kerajaan telah memberikan keutamaan dalam memastikan bahawa hasil adalah mencukupi untuk membiayai perbelanjaan mengurus. Defisit fiskal keseluruhan dijangka kekal pada tahap yang mapan (dalam lingkungan 6% daripada KDNK); dan Kerajaan akan mendapatkan pembiayaan daripada sumber dalam negeri tanpa meminggirkan sektor swasta. Dari segi perbelanjaan pembangunan, keutamaan terus diberikan kepada projek yang mempunyai rantaian yang kukuh dalam ekonomi dalam negeri; pengaliran keluar yang minimum dari segi import; tempoh penyiapan projek yang singkat; dan perbelanjaan untuk mencapai objektif sosio-ekonomi. Sebahagian besar daripada peruntukan disalurkan kepada pendidikan dan latihan kemahiran, infrastruktur dan pembangunan perindustrian serta perkhidmatan kesihatan.

Dasar fiskal kekal mengembang pada tahun 2000 bagi mengukuhkan pemulihan ekonomi. Kerajaan mengekalkan dasar fiskal yang fleksibel dan mapan melalui komitmen yang kukuh terhadap dasar fiskal yang berdisiplin dan berhemat dalam pengurusan kewangannya.

Kerajaan juga telah mempertingkatkan usaha untuk memastikan pakej rangsangan fiskalnya dilaksanakan dengan sepenuhnya. Di antara langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan perlaksanaan projek termasuklah pemprosesan tender dengan lebih cepat, perlaksanaan *"fast track"* mengikut konsep *"Turnkey, Design and Build"* dan melonggarkan prosedur jaminan. Pada masa yang sama, pihak Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk memastikan

pembayaran akan dibuat dengan segera dan projek siap mengikut jadual. Ini termasuklah penubuhan Unit Bayaran Lewat bagi melayani aduan pembayaran lewat yang dihadapi oleh pembekal dan kontraktor, memberi fleksibiliti yang lebih kepada agensi Kerajaan untuk mengendalikan pengurusan projek, dan menubuhkan sebuah pasukan khas untuk mempastikan perlaksanaan projek adalah mengikut jadual. Hasil daripada langkah-langkah tersebut, pihak Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM27.9 bilion daripada RM28.3 bilion yang diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan pada tahun 2000.

Dalam membiayai defisit fiskal, Kerajaan lebih bergantung kepada sumber-sumber dalam negeri memandangkan terdapat pengumpulan aset sektor awam berikutan terdapatnya lebihan fiskal pada tahun-tahun yang lalu dan tabungan dalam negeri yang tinggi. Oleh itu, Kerajaan telah mengurangkan pergantungannya kepada sumber luar negeri bagi mengurangkan pendedahan sektor awam kepada risiko pertukaran asing dan kadar faedah. Di pasaran modal antarabangsa, Kerajaan telah membuka semula Terbitan Bon Global AS$1 bilion, iaitu sebanyak AS$500 juta, yang menerima lebihan langganan sebanyak empat kali ganda. Tambahan lagi, Kerajaan juga memperoleh pinjaman sebanyak Euro650 juta dengan objektif untuk menetapkan tanda aras bagi sektor korporat Malaysia dalam mendapatkan dana dari pasaran Euro.

Di sepanjang tahun 2000, Kerajaan terus melaksanakan dasar penswastaan tetapi secara terpilih. Projek baru yang diswastakan telah dikaji dengan lebih terperinci dari segi kesannya ke atas keadaan ekonomi, imbangan pembayaran, rantaian ekonomi dalam negeri yang kukuh dan kesan penggandaan. Pada tahun 2000, sejumlah tujuh buah projek telah diswastakan iaitu tiga buah projek yang sedia ada dan empat buah projek baru, terutamanya yang melibatkan infrastruktur dan pembangunan tanah. Projek baru termasuk Lebuhraya Lingkaran Kuala Lumpur - Shah Alam - Kuang, Bekalan Air Sungai Selangor Fasa III dan Kawasan Pejalan Kaki di Bandaraya Kuala Lumpur.

Sektor Awam yang Disatukan

Pada tahun 2000, kedudukan kewangan sektor awam yang disatukan terus mencatatkan lebihan yang lebih besar dalam akaun semasa. Ini disebabkan oleh prestasi hasil perusahaan awam bukan kewangan (PABK) yang lebih baik berikutan aktiviti ekonomi yang terus mengembang dan harga petroleum yang ketara lebih tinggi. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pembangunan yang nyata lebih tinggi, terutamanya oleh Kerajaan Persekutuan bagi menggalakkan aktiviti ekonomi telah mengakibatkan defisit keseluruhan sebanyak -2.9% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan

Pada tahun 2000, akaun semasa Kerajaan Persekutuan terus mencatatkan lebihan (1.6% daripada KDNK). Walau bagaimanapun, kedudukan kewangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan mencatatkan defisit fiskal yang lebih besar iaitu sebanyak RM19.7 bilion (-5.8% daripada KDNK) pada tahun 2000 disebabkan terutamanya oleh program rangsangan fiskal yang lebih mengembang. Walaupun defisit fiskal ini adalah lebih besar daripada yang dijangkakan dalam Belanjawan Tahun 2000 (defisit sebanyak RM13 bilion atau -4.1% daripada KDNK), ianya masih berada pada paras yang berhemat. Perkembangan ini

Jadual 2.7
Kewangan Sektor Awam Disatukan

	1999	2000*a*	2001 Ramalan
	RM juta		
Sektor kerajaan[1]			
Hasil	71,007	73,588	81,327
Perbelanjaan mengurus	53,868	63,005	67,277
Lebihan semasa sektor kerajaan	17,139	10,582	14,050
Lebihan semasa PABK[2]	33,509	38,713	32,793
Lebihan semasa sektor awam	50,648	49,295	46,843
(% daripada KDNK)	16.9	14.5	13.3
Perbelanjaan pembangunan bersih	48,451	58,979	57,408
Sektor kerajaan	*20,963*	*29,794*	*30,007*
PABK	*27,488*	*29,185*	*27,401*
Imbangan keseluruhan	2,197	–9,684	–10,565
(% daripada KDNK)	0.7	–2.9	–3.0

[1] Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan kerajaan tempatan.
[2] Merujuk kepada 37 buah PABK.
a Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan, kerajaan-kerajaan negeri dan perusahaan awam bukan kewangan

adalah selaras dengan dasar fiskal berhemat Kerajaan yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip seperti memastikan supaya akaun semasa sentiasa berada dalam lebihan dan defisit fiskal dapat dibendung pada tahap yang terurus, dalam lingkungan 6% daripada KDNK.

Hasil Persekutuan terus meningkat kepada RM61.9 bilion (18.2% daripada KDNK). Penerimaan hasil yang memuaskan adalah terutamanya daripada aktiviti ekonomi yang meningkat, perlaksanaan penilaian cukai berasaskan tahun semasa dan sumbangan yang lebih besar daripada hasil yang berasaskan petroleum. Berikutan harga petroleum yang lebih tinggi pada tahun 1999 (asas cukai pendapatan untuk tahun 2000), hasil yang berasaskan petroleum telah menyumbangkan separuh daripada peningkatan dalam jumlah penerimaan hasil pada tahun 2000. Sementara itu, beberapa langkah percukaian yang diperkenalkan dalam Belanjawan Tahun 2000 dijangka akan menyebabkan pengurangan hasil sebanyak RM1.1 bilion. Secara keseluruhannya, peningkatan hasil adalah daripada cukai langsung (+RM1.9 bilion) dan hasil bukan cukai serta penerimaan bukan hasil (+RM1.4 bilion), manakala kutipan cukai tidak langsung berkurangan sedikit (-RM83 juta).

Berikutan penurunan selama dua tahun berturut-turut, hasil daripada **cukai langsung** pulih semula untuk mencatatkan peningkatan sebanyak 7%, mencakupi bahagian yang lebih besar daripada jumlah hasil (47%). Walau bagaimanapun, peningkatan tersebut telah disederhanakan sebahagiannya oleh beberapa konsesi cukai seperti yang diumumkan dalam Belanjawan Tahun 2000 untuk menggalakkan penggunaan dan pelaburan dalam negeri. Langkah-langkah fiskal ini termasuklah pengurangan kadar cukai pendapatan individu dan koperasi; peningkatan dalam pelepasan diri daripada RM5,000 kepada RM8,000; dan pengenalan pelepasan cukai yang berasingan untuk premium anuiti yang dibeli daripada skim anuiti KWSP. Walaupun terdapat pelepasan-pelepasan tersebut, penerimaan daripada cukai pendapatan individu adalah lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh. Perlaksanaan penilaian cukai berasaskan tahun semasa pada tahun 2000 bermakna hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dapat dipungut pada tahun yang sama. Mencerminkan harga petroleum yang lebih tinggi iaitu pada kadar purata AS$18.18 setong pada tahun 1999 (asas cukai untuk tahun 2000), cukai pendapatan petroleum juga mencatatkan peningkatan yang amat ketara. Pungutan hasil daripada duti setem terus meningkat disebabkan jumlah dan nilai urus niaga yang lebih tinggi di pasaran harta tanah dan pasaran saham. Pungutan hasil yang meningkat dari pasaran saham adalah terutamanya pada suku tahun pertama tahun 2000.

Pungutan **cukai tidak langsung** telah dipengaruhi oleh pengenalan beberapa konsesi cukai untuk meningkatkan kecekapan dan daya

Jadual 2.8
Kewangan Kerajaan Persekutuan

	1999	2000*a*	Belanjawan 2001
	RM juta		
Hasil	58,675	61,864	69,238 [2]
Perbelanjaan mengurus	46,699	56,547	60,710
Akaun semasa	11,976	5,317	8,528
(% daripada KDNK)	4.0	1.6	2.4
Perbelanjaan pembangunan bersih	21,462	25,032	25,036
Perbelanjaan pembangunan kasar	*22,614*	*27,942*	*26,836*
Tolak terimaan balik pinjaman	*1,152*	*2,910*	*1,800*
Imbangan keseluruhan	–9,486	–19,715	–16,508
(% daripada KDNK)	–3.2	-5.8	–4.7
Sumber-sumber pembiayaan			
Peminjaman dalam negeri bersih	5,423	12,714	–
Peminjaman kasar	*19,281*	*23,182*	–
Tolak pembayaran balik	*13,858*	*10,468*	–
Peminjaman luar negeri bersih	2,923	864	–
Peminjaman kasar	*4,763*	*4,767*	–
Tolak pembayaran balik	*1,840*	*3,903*	–
Penerimaan khas	238	13	–
Harta boleh jual[1] dan penyesuaian	902	6,124	–
Jumlah	9,486	19,715	–

[1] Termasuk perubahan dalam baki Tabung Amanah Kerajaan. Pengurangan dalam harta boleh jual terkumpul ditunjukkan dengan tanda campur (+).
[2] Termasuk kehilangan hasil bersih yang berpotensi sebanyak RM373 juta daripada perubahan cukai untuk tahun 2001.
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Jadual 2.9
Hasil Kerajaan Persekutuan

	1999	2000*a*	1999	2000*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)	
Hasil cukai	45,346	47,173	...	4.0
(% daripada KDNK)	15.1	13.9		
Cukai langsung	27,246	29,156	-9.2	7.0
Cukai pendapatan	25,159	27,016	-11.3	7.4
Syarikat	*15,742*	*13,905*	*-9.0*	*-11.7*
Petroleum	*2,856*	*6,010*	*-29.4*	*110.4*
Individu	*6,419*	*7,015*	*-7.0*	*9.3*
Koperasi	*142*	*87*	*10.1*	*-39.0*
Cukai keuntungan harta tanah	287	247	-27.5	-13.9
Duti setem	1,566	1,799	31.6	14.9
Lain-lain	234	94	290.0	-59.8
Cukai tidak langsung	18,100	18,017	18.1	-0.5
Duti eksport	670	1,032	7.6	53.9
Duti import	4,720	3,599	22.0	-23.8
Duti eksais	4,723	3,803	31.7	-19.5
Cukai jualan	4,488	5,968	16.7	33.0
Cukai perkhidmatan	1,459	1,701	0.8	16.6
Lain-lain	2,040	1,914	4.5	-6.2
Hasil bukan cukai dan penerimaan bukan hasil	13,329	14,691	17.2	10.2
Jumlah hasil	58,675	61,864	3.5	5.4
(% daripada KDNK)	19.5	18.2		

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

saing. Konsesi cukai ini (termasuk melanjutkan tempoh pengecualian cukai jualan dan duti import ke atas alat ganti dan bahan penggunaan serta pemansuhan atau pengurangan duti import ke atas barangan pengguna dan makanan yang terpilih) dijangka akan mengakibatkan kehilangan hasil sebanyak RM259 juta. Berkuat kuasa pada 1 Januari 2000, Kerajaan telah memperkenalkan cukai jualan ke atas petroleum dan keluaran petroleum di samping memansuhkan duti import dan eksais ke atas barangan tersebut selaras dengan komitmen Malaysia kepada Perjanjian Kawasan Bebas Cukai Asean (AFTA). Akibatnya, pungutan duti import dan eksais menurun dengan ketara. Sementara itu, hasil daripada cukai jualan telah meningkat dengan nyata disebabkan oleh pungutan yang lebih tinggi daripada barangan perkilangan dan keluaran petroleum. Pungutan cukai perkhidmatan juga meningkat mencerminkan terutamanya permintaan yang lebih tinggi untuk perkhidmatan profesional terpilih dan juga pelbagai perkhidmatan lain.

Secara keseluruhannya, bahagian hasil cukai daripada jumlah hasil adalah rendah sedikit iaitu sebanyak 76%. Bahagian hasil bukan cukai dan penerimaan bukan hasil mencakupi sebanyak 24% dengan penerimaan yang lebih tinggi daripada royalti petroleum dan bayaran perkhidmatan.

Jumlah perbelanjaan kasar Kerajaan Persekutuan yang meningkat dengan ketara adalah sejajar dengan program rangsangan fiskal yang lebih mengembang. Selaras dengan sumber-sumber yang sedia ada, **perbelanjaan mengurus** adalah nyata lebih tinggi (21.1%) untuk merangsang penggunaan sektor awam dan swasta. Sebahagian besar daripada peningkatan dalam perbelanjaan mengurus mencerminkan perlaksanaan kenaikan gaji dan pencen kakitangan awam serta peningkatan bayaran subsidi. Mencerminkan kenaikan gaji sebanyak 10% dan peningkatan 50% ke atas elaun perumahan untuk kakitangan awam dalam kategori yang tertentu, jumlah bayaran

Graph 2.9
Kewangan Kerajaan Persekutuan



Hutang Kerajaan Persekutuan



upah, iaitu komponen yang terbesar daripada perbelanjaan mengurus (29%), meningkat sebanyak 13.3% pada tahun 2000. Bahagian yang besar juga telah disalurkan untuk pembayaran subsidi disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang ketara dalam subsidi untuk diesel, minyak petrol dan gas petroleum cecair berikutan peningkatan dalam harga petroleum sedunia. Berkuat kuasa pada 1 Oktober 2000, Kerajaan telah menaikkan harga runcit keluaran petroleum sebanyak 7.7-9.1%.

Semua perbelanjaan lain juga mencatatkan pertumbuhan yang tinggi. Secara khususnya, peningkatan yang ketara dalam perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan, sebahagian besarnya adalah untuk perolehan bekalan pejabat yang berkaitan dengan perlaksanaan flagship e-kerajaan, kerja-kerja membaik pulih dan penyelenggaraan serta bayaran untuk perkhidmatan profesional yang diperoleh untuk membantu Kerajaan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam. Bayaran khidmat hutang dalam dan luar negeri juga adalah lebih tinggi mencerminkan peningkatan paras hutang untuk membiayai program rangsangan fiskal. Tambahan pula, kadar faedah sedunia yang lebih tinggi terutamanya pada separuh tahun pertama tahun 2000, turut menyumbang kepada peningkatan dalam bayaran khidmat hutang. Walau bagaimanapun, bahagian khidmat hutang sebanyak 16% daripada perbelanjaan mengurus, adalah di bawah paras 20% yang telah ditetapkan oleh Kerajaan pada tahun 1990 apabila peningkatan bahagian khidmat hutang amat dibimbangi. Bayaran pindahan yang lain adalah lebih tinggi, sebahagian besarnya disebabkan oleh pemberian dan pindahan kepada agensi-agensi kerajaan termasuk kerajaan-kerajaan negeri untuk tujuan pembangunan dan penyelenggaraan, termasuk jalanraya dan bangunan kegunaan bersama.

Jadual 2.10
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Objek

	1999	2000*a*	1999	2000*a*
	RM juta		% bahagian	
Emolumen	14,436	16,357	30.9	28.9
Bekalan dan perkhidmatan	6,074	7,360	13.0	13.0
Pengambilalihan harta	422	572	0.9	1.0
Bayaran hutang	7,941	9,055	17.0	16.0
Pencen dan ganjaran	3,792	4,186	8.1	7.4
Subsidi	1,402	4,824	3.0	8.5
Lain-lain pemberian dan pindahan[1]	10,858	11,758	23.3	20.9
Lain-lain perbelanjaan[2]	1,774	2,435	3.8	4.3
Jumlah	46,699	56,547	100.0	100.0

[1] Termasuk pemberian dan pindahan kepada kerajaan negeri serta agensi awam dan perusahaan.
[2] Termasuk pindahan kepada organisasi antarabangsa, tuntutan insurans dan pampasan dan lain-lain.
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Jadual 2.11
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor

	1999	2000*a*	1999	2000*a*
	RM juta		% bahagian	
Pertahanan dan keselamatan	3,122	2,332	13.8	8.3
Perkhidmatan ekonomi	8,969	10,411	39.7	37.3
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,088	1,183	4.8	4.2
Perdagangan dan industri	2,798	3,667	12.4	13.1
Pengangkutan	2,893	3,635	12.8	13.0
Kemudahan awam	1,850	1,517	8.2	5.4
Lain-lain	340	409	1.5	1.5
Perkhidmatan sosial	6,936	11,077	30.7	39.6
Pendidikan	3,865	7,099	17.1	25.4
Kesihatan	836	1,272	3.7	4.6
Perumahan	1,081	1,195	4.8	4.3
Lain-lain	1,154	1,511	5.1	5.4
Pentadbiran am	3,587	4,122	15.9	14.8
Jumlah	22,614	27,942	100.0	100.0

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Perbelanjaan pembangunan kasar juga meningkat dengan ketara (23.6% kepada RM27.9 bilion) berikutan penerusan program rangsangan fiskal bagi mengukuhkan proses pemulihan ekonomi. Mencerminkan polisi Kerajaan untuk mempastikan pertumbuhan ekonomi yang mapan bagi jangka panjang, teras perbelanjaan adalah ke atas pembangunan sumber manusia, pembangunan industri dan peruntukan perbelanjaan untuk infrastruktur.

Perbelanjaan yang disalurkan kepada sektor sosial adalah ketara lebih tinggi, terutamanya untuk pendidikan dan latihan. Buat kali pertamanya, sektor sosial mencakupi komponen yang terbesar daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (40%). Ini mencerminkan usaha Kerajaan yang lebih giat untuk beralih ke arah pembangunan ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan mengurangkan jurang digital melalui pendidikan dan pembangunan sumber

manusia serta meningkatkan taraf hidup. Perbelanjaan untuk pendidikan dan latihan sebahagian besarnya adalah untuk pembinaan dan peningkatan taraf sekolah-sekolah rendah, menengah, vokasional dan politeknik dan pusat matrikulasi, serta meningkatkan taraf kemudahan pendidikan, termasuk pembinaan makmal komputer. Peruntukan yang lebih besar juga disalurkan kepada Tabung Pendidikan Tinggi bagi menyediakan pinjaman untuk pengajian peringkat tinggi. Perbelanjaan kesihatan juga adalah lebih tinggi untuk memenuhi permintaan yang meningkat bagi perkhidmatan kesihatan awam. Ini termasuk pembinaan dan peningkatan taraf hospital dan klinik kesihatan. Selain itu, perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas perumahan sebahagian besarnya adalah untuk projek perumahan awam kos rendah dan Projek Perumahan Rakyat Bersepadu serta program perumahan bagi pasukan tentera, anggota polis, pegawai-pegawai kastam dan guru-guru di kawasan luar bandar.

Dalam bidang perkhidmatan ekonomi, tumpuan terus diberikan kepada pembangunan industri, infrastruktur serta pertanian dan pembangunan di luar bandar. Di bawah subsektor perdagangan dan industri, keutamaan terus ditumpukan kepada penyelidikan dan pembangunan industri, peruntukan kemudahan infrastruktur, pembangunan industri kecil dan sederhana, dan promosi pelancongan. Peruntukan juga telah disalurkan untuk menubuhkan tabung modal teroka bagi meningkatkan sumber pembiayaan bagi syarikat-syarikat yang berteknologi tinggi. Perbelanjaan ke atas pengangkutan juga menyerap bahagian yang besar daripada jumlah perbelanjaan pembangunan selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperlengkapkan entiti yang diswastakan dalam penyediaan rangkaian pengangkutan yang bersepadu. Kira-kira dua pertiga daripada perbelanjaan adalah untuk pembinaan dan peningkatan taraf jalan raya (termasuk lebuhraya) serta pembangunan sistem keretapi termasuk landasan berkembar dari Seremban ke Rawang dan ke Ipoh. Keutamaan yang lebih telah diberikan kepada perkembangan dan pembesaran pelabuhan dan lapangan terbang untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan dalam menguruskan jumlah laluan penumpang dan perdagangan antarabangsa dan serantau yang kian meningkat. Kerajaan juga telah mempertingkatkan usahanya pada tahun

Jadual 2.12
Hutang Awam Kerajaan Persekutuan

	Perubahan tahunan		Pada akhir
	1999	2000*a*	2000*a*
	Nilai nominal dalam RM juta		
Hutang dalam negeri	5,553	13,055	106,805
Bil perbendaharaan	0	0	4,320
Terbitan Pelaburan Kerajaan	0	2,000	4,000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	3,324	10,714	89,050
Tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	130	341	4,296
Pinjaman pasaran	2,099	0	5,139
Hutang luar negeri	3,445	452	18,821
Pinjaman pasaran	3,382	966	12,040
Pinjaman projek	63	–514	6,780
Jumlah	8,998	13,507	125,626

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

ini untuk meningkatkan taraf kehidupan penduduk di luar bandar. Perbelanjaan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar (termasuk pembangunan tanah dan sistem pengairan) adalah lebih tinggi. Pelaburan untuk membaiki jalan raya di luar bandar, bekalan air dan program pemasangan bekalan tenaga elektrik kekal tinggi.

Perbelanjaan untuk pentadbiran am sebahagian besarnya adalah untuk pembinaan dan penyelenggaraan pusat pentadbiran baru di Putrajaya serta perlaksanaan kerajaan elektronik untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan jentera pentadbiran. Sementara itu, perbelanjaan ke atas pertahanan dan keselamatan dalam negeri merosot pada tahun 2000.

Memandangkan keadaan mudah tunai yang lebih dari mencukupi dalam sistem perbankan dan

Graf 2.10
Hutang Kerajaan Persekutuan yang Belum Dijelaskan Pada Akhir Tahun 2000



tabungan dalam negeri yang tinggi, Kerajaan Persekutuan telah **membiayai** sebahagian besar daripada defisit fiskalnya melalui sumber-sumber dalam negeri. Justeru itu, pinjaman luar negeri kekal rendah. Kerajaan juga telah mengeluarkan sebahagian daripada aset terkumpulnya. Secara keseluruhan, Kerajaan Persekutuan telah mencatatkan **jumlah peminjaman bersih** sebanyak RM13.6 bilion pada tahun 2000. Bersama-sama dengan keuntungan bersih penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan nilai ringgit berbanding yen Jepun, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan meningkat kepada RM125.6 bilion atau 37% daripada KDNK pada akhir tahun 2000. Tahap hutang ini kekal terurus, dengan hutang dalam negeri mencakup sebanyak 85% daripada jumlah hutang.

Selain daripada mewujudkan dana untuk membiayai perbelanjaan pembangunannya, program **pinjaman dalam negeri** Kerajaan Persekutuan juga bertujuan untuk menyediakan kelok hasil tanda aras bagi menyokong pembangunan pasaran bon tempatan. Oleh itu, Kerajaan telah menerbitkan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dengan lebih kerap yang bernilai sebanyak RM16 bilion pada tahun 2000. Sebahagian daripada perolehan tersebut telah digunakan untuk membiayai semula SKM yang telah matang. Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) tunggal bernilai sebanyak RM2 bilion juga telah diterbitkan. Sementara itu, tiada dana baru yang diperoleh daripada Bil Perbendaharaan (BP), manakala Tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan mencatatkan sedikit peminjaman bersih pada tahun 2000.

Pada tahun 2000, Kerajaan telah mengapungkan lima terbitan SKM, terutamanya secara tender terbuka menerusi peniaga-peniaga utama dan melalui langganan swasta. Buat kali pertamanya pada tahun 2000, Kerajaan telah mengumumkan jadual terbitan bagi sekuriti kerajaan. Ini adalah untuk meningkatkan ketelusan dan membantu para pelabur dalam merumus strategi pelaburan mereka. Kerajaan juga telah membuka semula empat daripada terbitan SKMnya dengan nilai yang lebih besar untuk menggalakkan urus niaga yang lebih aktif di pasaran sekunder. Setelah menyelaraskan untuk penebusan pinjaman, jumlah SKM yang belum dijelaskan meningkat sebanyak 13.7% kepada RM89.1 bilion pada akhir tahun 2000 dan mencakupi sebanyak 83% daripada jumlah hutang dalam negeri yang belum dijelaskan.

Dari segi struktur pemilikan SKM, institusi keselamatan sosial dan insurans telah meningkatkan pegangan mereka kepada 80% daripada jumlah SKM yang belum dijelaskan. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kekal sebagai pelabur institusi tunggal terbesar pada tahun 2000, dengan meningkatkan pegangannya kepada 69% daripada jumlah SKM yang belum dijelaskan melalui pelaburan dalam terbitan baru SKM serta menyerap jumlah SKM yang telah ditunaikan, terutamanya oleh perusahaan awam. Bahagian SKM yang dipegang oleh institusi perbankan kekal tinggi pada 14%. SKM yang selebihnya dimiliki terutamanya oleh perusahaan awam, institusi kewangan bukan bank dan pelabur asing.

Baki hutang dalam negeri adalah dalam bentuk pinjaman bersindiket mata wang asing dalam negeri (5%), BP, TPK dan Tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan (4% setiap satu). Sektor perbankan yang kekal sebagai pelabur utama BP dan TPK telah meningkatkan pegangannya kepada 96% bagi BP dan 95% bagi

Jadual 2.13
Milikan Hutang Dalam Negeri Kerajaan Persekutuan

	1999	2000*a*	1999	2000*a*
	Nilai nominal dalam RM juta		% bahagian	
Bil perbendaharaan	4,320	4,320	100.0	100.0
Syarikat insurans	41	76	1.0	1.8
Sektor perbankan	3,720	4,166	86.1	96.4
Lain-lain	559	78	12.9	1.8
Terbitan Pelaburan Kerajaan	2,000	4,000	100.0	100.0
Syarikat insurans	139	194	7.0	4.9
Sektor perbankan	1,858	3,805	92.9	95.1
di antaranya:				
Bank Negara Malaysia	*3*	*41*	*0.2*	*1.0*
Lain-lain	3	1	0.1	...
Sekuriti Kerajaan Malaysia	78,336	89,050	100.0	100.0
Institusi keselamatan sosial dan insurans	59,988	71,385	76.6	80.2
di antaranya:				
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*51,757*	*61,476*	*66.1*	*69.0*
Syarikat insurans	*6,094*	*6,652*	*7.8*	*7.5*
Sektor perbankan	12,403	12,458	15.8	14.0
Lain-lain	5,945	5,207	7.6	5.8

a Awalan

TPK yang belum dijelaskan untuk tujuan mudah tunai. Syarikat insurans juga memegang BP dan TPK walaupun dalam bahagian yang lebih kecil, terutamanya untuk memenuhi keperluan berkanun. Peminjam utama kepada Tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan adalah Cagamas Berhad, bank perdagangan dan KWSP.

Pada bulan Ogos 2000, Kerajaan telah melaksanakan penilaian semula ke atas pinjaman bersindiket mata wang asing dalam negeri (bersamaan dengan RM5.1 bilion) yang mengandungi sebanyak AS$1.25 bilion dan ¥11.6 bilion. Pinjaman tersebut dengan tempoh matang selama lima tahun, diperoleh pada bulan Disember 1998, dengan tebaran sebanyak 2.9% melebihi kadar LIBOR AS 6 bulan bagi bahagian dolar AS dan melebihi kadar TIBOR Yen 6 bulan untuk bahagian Yen. Ia kemudiannya dibiayai semula pada bulan November 1999, pada tebaran yang lebih rendah sebanyak 1.2%. Berdasarkan penilaian semula terkini, kadar ini telah dikurangkan lagi kepada 0.52%, dalam keadaan prospek prestasi ekonomi Malaysia yang bertambah baik.

Kerajaan juga bergantung, walaupun untuk bahagian yang lebih kecil, ke atas pinjaman dari luar negeri untuk membiayai defisit fiskalnya. Pinjaman daripada pasaran modal antarabangsa juga bertujuan untuk menandakan kehadiran dalam pasaran serta menyediakan tanda aras bagi sektor korporat. Dua bon telah diterbitkan pada tahun 2000 di pasaran modal antarabangsa. Sumber pinjaman luar negeri yang lain adalah pengeluaran beberapa pinjaman projek yang telah diperoleh daripada sumber dua hala terutamanya dari Jepun di bawah Inisiatif Miyazawa Baru dan daripada sumber pelbagai hala seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia. Bersama-sama dengan terbitan bon itu, pinjaman luar negeri Kerajaaan Persekutuan adalah sebanyak RM4.8 bilion pada tahun 2000. Memandangkan pembayaran balik juga adalah tinggi iaitu sebanyak RM3.9 bilion, jumlah pinjaman luar negeri bersih pada tahun 2000 hanya berjumlah RM864 juta.

Pada bulan September 2000, Kerajaan telah membuka semula penerbitan Bon Global Malaysia 1999/2009 yang bernilai AS$1 bilion. Saiz asal terbitan tersebut adalah sebanyak AS$350 juta. Walau bagaimanapun, memandangkan terbitan tersebut telah terlebih langganan sebanyak empat kali ganda, saiz terbitan telah dinaikkan kepada AS$500 juta (RM1.9 bilion). Seterusnya, pada bulan November 2000, Kerajaan telah melancarkan bon Euro perintis, dengan tempoh matang selama lima tahun, bernilai Euro650 juta (RM2.1 bilion). Terbitan tersebut membentuk tanda aras euro yang terbaik untuk Malaysia. Ia juga telah memenuhi hasrat Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber pembiayaan ke pasaran bon euro. Terbitan bon Euro tersebut telah terlebih langganan sebanyak dua kali ganda. Sebahagian besar daripada perolehan daripada kedua-dua pinjaman ini telah digunakan untuk membiayai semula Bon Yankee AS$200 juta 1990/2000 yang matang bernilai sebanyak RM760 juta dan juga penebusan awal Nota Kadar Terapung bernilai AS$650 juta berikutan opsyen jual yang digunakan oleh pemegang nota berjumlah AS$617 juta.

Kerajaan Negeri

Berdasarkan anggaran awal, kesemua 13 buah kerajaan negeri telah mencapai lebihan dalam akaun semasa mereka, mencerminkan dasar kewangan berhemat yang berterusan. Walau bagaimanapun, kedudukan kewangan kerajaan negeri yang disatukan mencatatkan defisit keseluruhan yang kecil pada tahun 2000, disebabkan oleh peningkatan yang ketara dalam perbelanjaan pembangunan. Defisit keseluruhan telah dibiayai terutamanya oleh pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dan pengeluaran aset kewangan terkumpul kerajaan negeri.

Di sepanjang tahun 2000, hasil kerajaan negeri yang disatukan yang lebih tinggi diperoleh daripada sumber-sumber kerajaan negeri dan Persekutuan. Sumber hasil kerajaan negeri telah dipertingkatkan terutamanya melalui perolehan royalti petroleum dan gas yang lebih besar dan daripada hasil cukai ke atas tanah dan perhutanan. Seperti di tahun-tahun yang lepas, perolehan daripada sumber Persekutuan telah disalurkan untuk membantu negeri-negeri dalam penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas untuk meningkatkan taraf hidup dan proses pembandaran negeri. Peningkatan dalam perbelanjaan mengurus kerajaan negeri mencerminkan terutamanya

Jadual 2.14
Kewangan Kerajaan Negeri yang Disatukan

	1999	2000*a*	2001 Belanjawan
	RM juta		
Hasil	8,912	9,707	9,895
Sumber-sumber negeri	*7,133*	*7,511*	*7,557*
Pemberian dan pindahan Persekutuan	*1,779*	*2,196*	*2,338*
Perbelanjaan	4,595	5,221	5,459
Lebihan semasa	4,317	4,486	4,436
Perbelanjaan pembangunan (bersih)	3,826	5,751	5,422
Perbelanjaan pembangunan kasar	*4,443*	*5,958*	*5,680*
Tolak: Bayaran balik pinjaman	*617*	*207*	*258*
Imbangan keseluruhan	491	–1,265	–986
Sumber-sumber pembiayaan			
Pinjaman Persekutuan	713	716	1,228
Harta boleh jual[1]	–1,204	549	–242
Jumlah	–491	1,265	986

[1] Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul.
a Anggaran

Sumber: Kerajaan-kerajaan negeri

bayaran yang lebih tinggi bagi emolumen berikutan penyelarasan gaji kakitangan kerajaan (8.4%) serta bekalan dan perkhidmatan (2.5%). Sebahagian besar daripada peningkatan perbelanjaan pembangunan telah disalurkan kepada sektor ekonomi, terutamanya infrastuktur (jalan, jambatan dan pelabuhan) dan pembangunan industri. Perbelanjaan yang lebih tinggi juga telah dicatatkan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar serta kemudahan awam dan perumahan.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Anggaran awal kedudukan kewangan 37 buah perusahaan awam bukan kewangan (PABK) yang disatukan menunjukkan bahawa kedudukan keseluruhan kewangan PABK sebagai satu kumpulan terus kukuh pada tahun 2000 dengan mencatatkan lebihan keseluruhan yang lebih besar sebanyak RM11.5 bilion atau 3.4% daripada KDNK pada tahun 2000. Keadaan ekonomi yang menggalakkan ini telah menyebabkan peningkatan hasil yang kukuh yang lebih daripada mencukupi untuk membiayai perbelanjaan yang lebih tinggi.

Jadual 2.15
Kewangan PABK yang Disatukan [1]

	1998	1999	2000*a*
	RM juta		
Hasil	74,715	95,364	108,258
Perbelanjaan	49,529	59,766	67,557
Akaun semasa	25,186	35,597	40,702
(% daripada KDNK)	11.3	11.9	12.0
Perbelanjaan pembangunan	29,659	27,488	29,185
Imbangan keseluruhan	–4,473	8,109	11,517
(% daripada KDNK)	–2.0	2.7	3.4

[1] Merujuk kepada 37 buah PABK.
a Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan dan perusahaan awam bukan kewangan

Hasil PABK yang disatukan meningkat sebanyak 13.5% kepada RM108.3 bilion (1999: +27.6%). Sebahagian besar daripada jumlah hasil diperoleh daripada tiga PABK utama, iaitu, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TMB). Peningkatan aktiviti ekonomi yang kukuh dan harga petroleum yang lebih tinggi telah menyumbang kepada pungutan hasil yang ketara lebih tinggi. Pelaburan di luar negeri juga menyumbang kepada peningkatan hasil, mencakupi kira-kira 13% daripada jumlah dalam pertambahan hasil. Peningkatan dalam aktiviti perniagaan telah menyebabkan perbelanjaan mengurus yang lebih besar (13%). Walau bagaimanapun, peningkatan dalam perbelanjaan mengurus telah dapat dibendung melalui disiplin kewangan dan langkah-langkah penstrukturan semula yang dilaksanakan oleh PABK tertentu serta bayaran khidmat hutang yang lebih rendah.

Pada tahun 2000, beberapa perusahaan awam termasuk PETRONAS, TNB, TMB dan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. terus melaksanakan pengembangan kapasiti yang besar dan program pemodenan. PABK juga mempelbagaikan pelaburan mereka yang berkaitan dengan perniagaan utama mereka, termasuk pengambilalihan syarikat bagi mengukuhkan pendapatan perniagaan. PETRONAS terus melabur dalam aktiviti huluan dan juga hiliran, termasuk pembinaan beberapa loji memproses gas dan kompleks petrokimia secara usaha sama di Kertih and Gebeng. Di samping itu, PETRONAS juga terus melabur dalam projek-projek strategik termasuk pelaburan di luar negeri.

Di samping memiliki 27.2% pegangan saham Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON), PETRONAS juga telah menerokai bidang perniagaan penjanaan kuasa melalui pemilikan saham dalam loji janakuasa berasaskan gas Tenaga Nasional Berhad di Paka, Terengganu. Pelaburan di luar negeri oleh PETRONAS termasuk pembinaan Pembangunan Minyak dan Saluran Paip Bersepadu di Chad-Cameroon serta cari gali minyak di Pakistan, Afrika Selatan, Gabon, Sudan, Algeria, Syria dan Tunisia. Projek utama lain yang dijalankan pada tahun 2000 termasuk pembesaran perkapalan oleh Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) untuk meningkatkan kapasiti bagi menampung jumlah perdagangan antarabangsa yang semakin meningkat.

Pelaburan modal oleh TNB telah disalurkan terutamanya untuk menambah keupayaan serta memperbaiki infrastruktur elektrik di semua peringkat, iaitu, penjanaan, transmisi dan pembahagian bekalan elektrik bagi memenuhi pemintaan yang semakin meningkat daripada sektor komersil dan perindustrian dan pengguna kediaman. Antara projek utama termasuklah peningkatan dan pengembangan Stesen Janakuasa Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Fasa III dan loji janakuasa berasaskan arang batu di Manjung. TNB juga meneruskan pelaburannya di luar negeri. Salah satu pelaburan utamanya adalah pembinaan janakuasa di Pakistan. Bagi meningkatkan daya saing sektor janakuasa serta mempastikan bekalan elektrik yang mencukupi, TNB masih lagi mengkaji semula program pelaburan semula loji janakuasanya.

Sebahagian besar daripada perbelanjaan TMB adalah untuk meningkat dan membangunkan satu rangkaian perkhidmatan dan barangan bagi memenuhi persaingan baru dalam industri selular serta memaksimumkan keuntungan daripada integrasi industri telekomunikasi, internet dan selular. Bagi Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. pula, perbelanjaan modal adalah terutamanya untuk pusat pentadbiran baru di Putrajaya.

Perbelanjaan modal PABK dibiayai terutamanya oleh dana yang dihasilkan daripada sumber dalaman dan sebahagian lagi daripada pinjaman dari dalam dan luar negeri. Jumlah hutang luar negeri PABK hanya meningkat sedikit pada tahun 2000 (RM59.5 bilion) atau 38% daripada hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang. Nisbah khidmat hutang kekal pada tahap yang rendah iaitu 1.3%. Kebanyakan pinjaman baru telah digunakan untuk membiayai pelaburan yang produktif termasuk pelaburan di luar negeri, yang akan menjana hasil bagi membiayai hutang serta mengukuhkan kedudukan kewangan PABK. Walaupun prestasi kewangan PABK pada umumnya adalah memuaskan, aktiviti pelaburan dan pinjaman mereka terus dipantau dengan rapi oleh pihak kerajaan. Kajian yang selalu dijalankan, mempastikan aktiviti PABK akan terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.